

BAB KETIGA

GAYA BAHASA AL-TAKRA:R DALAM BAHASA ARAB

3.0 Pendahuluan

Pengulangan atau dalam bahasa Arab dipanggil sebagai al-Takra:r merupakan satu fenomena yang biasa berlaku dalam semua bahasa yang dipertuturkan. Pengulangan wujud dalam semua bahasa di dunia kerana sesuatu tujuan.

Pengulangan ini contohnya elok dilakukan dalam keadaan mengingatkan tentang sesuatu fakta. Tanpa pengulangan tersebut, dibimbangi seseorang responden itu terlupa lalu mengakibatkan kerugian atau kemalangan. Pengulangan yang berlaku dalam komunikasi tanpa keperluan pula menunjukkan sikap cerewet seseorang. Pengulangan yang berlaku dalam ayat tanpa sesuatu sebab juga akan memberi kesan kepada kualiti ayat dan emosi pembaca. Ditakuti pengulangan ini akan menyebabkan timbul rasa jemu terhadap topik yang dibincangkan itu. Kesan buruk dari perasaan jemu itu adalah mesej tidak akan sampai kepada pembaca.

Menurut al-Qayraw:aniyy (1988: jld2: 683) dalam al-‘Umdat fi: Maha:sin al-Syi‘r mengatakan bahawa pengulangan perkataan berlaku lebih banyak berbanding pengulangan makna. Pengulangan dilakukan oleh penyair untuk mengajak para pembaca menghayati dan mendalami perasaannya.

Bab ini akan menerangkan tentang definisi pengulangan, bentuk-bentuk gaya komunikasi dalam retorik bahasa Arab antara gaya bahasa yang ringkas (الإيجاز) dan

yang sederhana (المساواة) serta gaya bahasa yang panjang disebabkan sesuatu huraian yang diperlukan (الإطناب). Gaya bahasa dalam tiga bentuk ini sangat mempengaruhi penyampaian maklumat kepada orang ramai. Turut dibincangkan juga ialah gaya bahasa yang terlalu panjang (الإطالة) dan implikasinya yang negatif terhadap para pendengar.

Bab ini juga membincangkan tentang faktor-faktor berlakunya pengulangan, perbezaan gaya bahasa ini berbanding dengan yang selainnya. Penulis juga akan membuktikan bahawa gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an merupakan satu bentuk huraian yang mengandungi unsur al-I'jaz yang menunjukkan kepada kekuasaan Allah s.w.t. yang sudah tentunya berbeza daripada perkataan manusia.

3.1 Definisi al-Takra:r

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab yang pertama secara sepintas lalu, pengulangan ataupun al-Takra:r adalah merupakan suatu fenomena bahasa yang berlaku dalam setiap komunikasi sesama manusia dan ia turut berlaku dalam wahyu yang disampaikan kepada manusia. Para ulama' yang berkecimpung dalam berbagai disiplin melibatkan bahasa Arab, bala :ghat, tafsir dan 'Ulu:m al-Qur'an mengemukakan berbagai pandangan untuk memperjelaskan maksud pengulangan itu. Berikut merupakan sebahagian daripada pandangan-pandangan yang telah dipilih.

Dalam menanggapi persoalan ini, al-Hasaniyy (1994: 440) dalam kamus Ta:j al-‘Aru:s telah menjelaskan al-Takra:r dengan katanya:

كَرَّرَ تَكَرُّرًا تَكَرَّرًا ، قَالَ أَبُو سَعِيدٍ الضَّرِيرِ : قُلْتُ لِأَبِي عَمْرٍو : مَا بَيْنَ تَفْعَالٍ وَتَفْعَالٍ ؟
فَقَالَ تَفْعَالٌ اسْمٌ ، تَفْعَالٌ بِالْفَتْحِ مُصَدَّرٌ .

Maksudnya: “*Dia melakukan sesuatu berulang-ulang, proses pengulangan. Berkata Abu: Sa‘i:d al-Dari:r: Aku bertanya kepada Abu: ‘Amru: Apa bezanya antara Taf‘a:l dan Tif‘a:l? Katanya Tif‘a:l adalah Kata Nama manakala Taf‘a:l fonem ta:’ dibacakan dengan bunyi fathat merupakan Kata Dasar*”.

Menurut Ibn Manzu:r (1993: Jld 2: 453) dalam kamus Lisa:n al-‘Arab, al-Takra:r yang bermaksud mengulangi dibentuk di atas acuan kata yang sama dengan رَدَّدَ yang bermaksud memulangkan. Dari sudut sintaksis ia boleh dipakai untuk Kata Kerja tak transitif dan intrasitif.

Abu: al-Baqa:’ (1993:297) menjelaskan bahawa تَكَرَّرٌ adalah merupakan Kata Nama Terbitan yang berasal dari acuan kata كَرَّرَ. Kata Nama Terbitan ini membawa maksud berlebih-lebihan melakukan perbuatan mengulangi. Menurut beliau pengulangan ini boleh berlaku sebanyak dua kali ataupun lebih.

Al-Zamakhshariyy (1993:279) pula menjelaskan dalam kitab al-Mufasssal fi: San‘at al-I‘ra:b sesuatu Kata Kerja yang diterbitkan atas acuan kata تَفْعَالٌ kerana merujuk kepada kekerapan ataupun melampau banyaknya.

Dalam pada itu al-Zarkasyiyy (2002:3:12) pula mengemukakan perkara yang sama dengan sedikit penambahan iaitu katanya, تَكَرَّرٌ adalah mengikut acuan kata yang bersifat sima‘iyy bukannya sesuatu yang berdasar kepada kias. Menurut beliau, ia berasal dari Kata Kerja كَرَّرَ yang berada di atas acuan kata فَعَّلَ. Walaubagaimanapun fonem ya:’ telah bertukar kepada alif lalu menjadikan تَكَرَّرٌ bertukar kepada تَكَرَّرٌ.

Menurut Ibra:hi:m Ani:s (1972:782) dalam kamus al-Mu‘jam al-Wasi:t, al-Takra:r berasal dari perkataan كَرَّرَ. Kata beliau:

كَرَّرَ الشَّيْءَ نَكْرِيْرًا ، وَتَكَرَّرًا : أَعَادَهُ مَرَّةً بَعْدَ أُخْرَى

Maksudnya: كَرَّرَ الشَّيْءَ نَكْرِيْرًا ، وَتَكَرَّرًا bermaksud mengulanginya sekali selepas sekali.

Dalam kamus al-Misba:h al-Muni:r, al-Muqri’ (2000: 315) mendefinisikan al-Takra:r menerusi kata-kata beliau:

كَرَّرَ الْفَارِسُ كَرًّا مِنْ بَابِ قَتَلَ إِذَا فَرَ لِلْجَوْلَانِ ثُمَّ عَادَ لِلْقِتَالِ وَالْجَوَادُ يَصْلُحُ لِلْكَرِّ وَالْقَرَّ وَأَفْنَاهُ كُرُّ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ أَيَّ عَوْدُهُمَا مَرَّةً بَعْدَ أُخْرَى وَمِنْهُ اشْتُقَّ تَكَرَّرَ الشَّيْءِ وَهُوَ إِعَادَتُهُ إِمْزَارًا وَالْإِسْمُ التَّكَرَّرُ وَهُوَ يُشْبِهُ الْعُمُومَ مِنْ حَيْثُ التَّعَدُّدُ وَيُفَارِقُهُ بِأَنَّ الْعُمُومَ

يَتَعَدَّدُ فِيهِ الْحُكْمُ بِتَعَدُّدِ أَفْرَادِ الشَّرْطِ لَا غَيْرَ وَالتَّكْرَارِ يَتَعَدَّدُ فِيهِ الْحُكْمُ بِتَحَدُّدِ الصَّفَةِ
 الْمُتَعَلِّقَةِ بِتِلْكَ الْأَفْرَادِ مِثْلَهُ مَنْ دَخَلَ فَلَهُ دِرْهَمٌ فَهَذَا عُمُومٌ بِالنَّسْبَةِ إِلَى الْأَفْرَادِ فَلَا
 يَسْتَحِقُّ الدَّاخِلُ بِدُخُولِهِ إِلَّا مَرَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَتَّحَدَّدُ بِتَحَدُّدِهِ مِنْهُ وَكُلَّمَا دَخَلَ أَحَدٌ فَلَهُ
 دِرْهَمٌ فَهَذَا تَكَرُّرٌ يَتَعَدَّدُ بِتَعَدُّدِ دُخُولِ كُلِّ فَرْدٍ

Menurut penjelasan di atas, al-Takra:r diterbitkan dari Kata Kerja كَرَّ yang digunakan untuk menjelaskan teknik peperangan apabila tentera melakukan serangan balas selepas berundur dan menyusun strategi baru dan kuda yang baik untuk tujuan menyerang dan mengundur dalam peperangan. Kata Kerja كَرَّ ini juga digunakan pada silih berganti malam dan siang untuk menunjukkan tabiat yang berulang-ulang.

Al-Ba‘alba:kiyy (1997:360) menyatakan dalam kamus al-Mawrid, التَّكْرَارُ bermaksud: *repeattation, reiteration, doing or saying again or anew, recurrence, frequency, repeatedly, frequently, quite often, time and again, time after time, again and again, over and over again.*

Mahmu:d Yu:nus (2006:340) dalam Kamus Arab Melayu pula menyatakan كَرَّرَ

تَكَرَّرَ bermaksud “mengulang-ulang sesuatu, berbuat berulang-ulang”.

Seterusnya kita berpindah pula kepada pandangan pakar-pakar bala:ghat ‘Arab berkaitan perkataan ‘pengulangan’. Pakar-pakar bala:ghat ‘Arab pula mendefinisikan perkataan ‘pengulangan’ seperti berikut:

1. Al-Zamakhshariyy (1422:644) dalam kitab *Asa:s al-Bala:ghat* mendefinisikan al-Takra:r dengan katanya:

كَرَّرَ عَلَيْهِ الْحَدِيثَ كَرًّا ، وَكَرَّرَ تَكَرَّرًا ، وَكَرَّرَ عَلَى سَمْعِهِ كَذَا ، وَتَكَرَّرَ عَلَيْهِ

Maksudnya: *Dia mengulangi percakapan beberapa kali dan berulang-ulang perkara itu pada pendengarannya dan perkara itu berulang-ulang padanya.*

2. Menurut Ahmad Muhammad (2003: 658) dalam bukunya *Mawa:hib al-Fatta:h fi: Syarh Talkhi:s al-Mifta:h* beliau:

وَأَمَّا بِالتَّكْرِيرِ أَي : الإِطْنَابُ إِمَّا بِالِإِيضَاحِ بَعْدَ الإِبْهَامِ وَإِمَّا بِكَذَا وَإِمَّا بِتَكَرَّرِ الْمَذْكُورِ لِئِنَّكَتَةَ

Maksudnya: “*Sama ada dengan pengulangan iaitu: penghuraiannya, samada dengan penjelasan selepas sesuatu kekaburan ataupun samada dengan mengulangi apa yang telah disebut kerana sesuatu unsur retorik*”.

3. Fadl Hasan ‘Abba:s (1991: 232) pula mengatakan:

فَالنَّاطِرُونَ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى مِنْ أَجْلِ تَلَاوَتِهِ وَتَدْبِيرِهِ ، أَوْ بِهَدَفِ التَّشْكِيكِ وَالطَّعْنِ ، بِجِدُونَ لِأَوَّلِ وَهَلَةٍ أَنْ هُنَاكَ فَضَايَا قَدْ ذُكِرَتْ أَكْثَرَ مِنْ مَرَّةٍ ، وَفِي أَكْثَرِ مِنْ مَرَّةٍ ، وَفِي أَكْثَرِ مِنْ مَوْضِعٍ كَالْفَصِّصِ ، وَمَوْضُوعَاتِ الْعَقِيدَةِ ، وَبَعْضِ الْجَمَلِ وَالآيَاتِ

Maksudnya: “Bagi orang-orang yang mengkaji al-Qur’an samada untuk tujuan membaca dan menghayati maknanya ataupun untuk menimbulkan keraguan dan memburukkannya, mereka akan mendapati dari awal-awal lagi bahawa terdapat banyak isu yang disebut mengkaji al-Qur’an itu terdapat perkara yang telah disebut lebih dari sekali, bahkan berkali-kali pada beberapa tempat seperti kisah-kisah, persoalan-persoalam aqidah dan beberapa klausa dan ayat”.

4. ‘Abd al-Mun‘im (1980:10) menjelaskan, التَّكْرَارُ dari sudut makna retorik para sarjana retorik Arab bermaksud penjelasan lafaz terhadap sesuatu makna secara berulang-ulang.

Berdasarkan definisi ahli Retorik Arab, mereka menjelaskan bahawa “pengulangan” yang berlaku pada sesuatu lafaz yang sama ataupun hampir sama untuk menyampaikan mesej secara lebih berkesan. Definisi mereka turut menepati maksud literal perkataan “pengulangan” seperti yang kita lihat di atas.

Para ulama ‘Ulu:m al-Qur’an pula melihat al-Takra:r seperti berikut:

1. Zakariyya: al-Ansa:riyy (t.t:2) mengatakan:

قَوْلُهُ إِيَّاكَ كُرَّرَ لِأَنَّهُ لَوْ حَذَفْتَهُ فِي الثَّانِي لَفَاتَتْ فَائِدُهُ التَّقْدِيمَ، وَهِيَ قَطْعُ الْإِشْتِرَاكِ بَيْنَ

الْعَامِلَيْنِ، إِذْ لَوْ قِيلَ: إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَنَسْتَعِينُ، لَمْ يَظْهَرْ أَنَّ التَّقْدِيرَ: إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَ إِيَّاكَ

نَسْتَعِينُ

Teks ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t mengulangi sebutan **إِيَّاكَ** yang bermaksud “akan Engkau” kerana kepentingan mengingatkan manusia bahawa mereka hendaklah menjadikan Allah s.w.t sebagai tempat sembah dan menjadikan Allah s.w.t juga tempat meminta pertolongan.

Tanpa pengulangan perkataan **إِيَّاكَ** tersebut seolah-olah membuka ruang kepada mereka meminta pertolongan kepada selainNya walaupun mereka itu menyembah Allah dalam ibadat mereka. Ini kerana perkataan **إِيَّاكَ** hanya diletakkan pada perkara ibadat (**إِيَّاكَ نَعْبُدُ**) sedangkan dalam urusan meminta pertolongan iaitu perkataan (**نَسْتَعِينُ**) tidak ada peringatan akan Engkau (**إِيَّاكَ**).

Walaupun tafsiran beliau ini tidak menjurus kepada definisi al-Takra:r tetapi kesimpulan dari perbincangan ini menunjukkan kepada penerimaan beliau terhadap gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an. Pengulangan atau al-Takra:r berlaku dalam ayat-ayat Allah s.w.t bertujuan memperkukuhkan sesuatu makna yang tersirat di sebalik yang tersurat.

2. Al-Bu:tiyy (1975:117) menerusi topik gaya bahasa al-Qur'an (**الْقُرْآنُ أُسْلُوبٌ**) berkata:

...وَفِي الْقُرْآنِ مِنْ هَذِهِ الظَّاهِرَةِ نَوْعَانِ : أَمَّا أَحَدُهُمَا فَتَكَرَّرُ بَعْضُ الْأَلْفَاظِ أَوْ الْجُمَلِ ،

وَأَمَّا الثَّانِي فَتَكَرَّرُ بَعْضُ الْمَعَانِي كَالْأَقَاصِيصِ وَالْأَخْبَارِ . وَ يَأْتِي عَلَى وَجْهِ التَّوَكِيدِ، ثُمَّ

يَنْطَوِي بَعْدَ ذَلِكَ عَلَى نُكْتِ بِلَاغِيَّةٍ أُخْرَى ...

Maksudnya: “..dan dalam al-Qur'an terdapat dua jenis fenomena pengulangan, pertama iaitu pengulangan beberapa lafaz ataupun ayat, sementara yang kedua pula adalah pengulangan beberapa makna seperti kisah-kisah dan khabar-khabar. Pengulangan berlaku bertujuan untuk mengukuhkan dan selepas itu kerana nilai-nilai retorik yang lain...”

Menurut pandangan beliau ini secara jelas pengulangan merupakan satu bentuk gaya bahasa al-Qur'an yang diturunkan Allah mengandungi elemen-elemen I'jaz yang hebat yang tidak mampu ditandingi oleh manusia.

3. Muhammad Qutb (1983:245) mengatakan dalam kitab beliau Dira:sa:t Qur'a:niyyat:

مِنَ الظُّوَاهِرِ الَّتِي تُلْفِتُ النَّظَرَ فِي الْقُرْآنِ ظَاهِرَةُ التَّكْرَارِ . وَقَدْ تَكُونُ أَشَدَّ وَضُوحاً فِي السُّورِ الْمَكِّيَّةِ مِنْهَا فِي السُّورِ الْمَدَنِيَّةِ . وَلَكِنَّ السُّورَ الْمَدَنِيَّةَ لَا تَحُلُو مِنَ التَّكْرَارِ . وَقَدْ تَحَدَّثَ " الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ " مِنَ الْمَسْتَشْرِقِينَ وَتَلَامِذُهُمْ مِنْ " الْمُتَّقِينَ " فِي هَذِهِ الظَّاهِرَةِ مَا شَاءَ لَهُمُ الْحَدِيثُ .

Maksudnya: “Antara fenomena yang menarik perhatian dalam al-Qur'an iaiatulah fenomena pengulangan. Perkara ini lebih jelas kelihatan dalam surah-surah Makkiyat berbanding surah-surah Madaniyyat. Walaupun surah-surah Madaniyyat juga tidak sunyi dari fenomena ini. “Orang-orang yang tidak mengetahui” dari kalangan orientalis dan anak-anak murid mereka dari kalangan ‘orang yang terpelajar’ telah berkata sesuka hati mereka tentang fenomena ini”

Muhammad Qutb ingin menjelaskan kepada kita bahawa pengulangan merupakan suatu perkara yang wujud dalam ayat-ayat Allah. Cuma perkara ini disalahtafsirkan oleh golongan yang tidak memahaminya ataupun sengaja berniat jahat terhadap Islam di kalangan musuh-musuhnya.

4. Sayyid Qutb (1992: jld 1:55), menerusi tafsirnya yang berjudul *Fi: Zila:l al- Qur'a:n* menafikan kewujudan 'pengulangan' dalam ayat-ayat Allah. Beliau berkata:

وَيُحْسَبُ أَنَّهُ أَنْ هُنَاكَ تَكَرَّرًا فِي الْقِصَصِ الْقُرْآنِيِّ ، لِأَنَّ الْقِصَّةَ الْوَاحِدَةَ قَدْ يَتَكَرَّرُ عَرْضُهَا فِي سُورٍ شَتَّى . وَلَكِنَّ النَّظْرَةَ الْفَاحِشَةَ تُؤَكِّدُ أَنَّهُ مَا مِنْ قِصَّةٍ ، أَوْ حَلَقَةٍ مِنْ قِصَّةٍ قَدْ تَكَرَّرَتْ فِي صُورَةٍ وَاحِدَةٍ ، مِنْ نَاحِيَةِ الْقَدْرِ الَّذِي يُسَاقُ ، وَطَرِيقَةِ الْأَدَاءِ فِي السِّيَاقِ . وَأَنَّهُ حَيْثُمَا تَكَرَّرَتْ حَلَقَةٌ كَانَ هُنَالِكَ جَدِيدٌ تُؤَدِّيهِ ، يَنْفِي حَقِيقَةَ التَّكَرَّرِ .

Maksudnya: “Sesetengah orang menyangka terdapat pengulangan dalam kisah-kisah al-Qur'an, kerana sesuatu kisah itu kadangkala berulang penceritaannya dalam surah-surah yang berbeza. Tetapi pandangan yang meneliti menunjukkan bahwasanya tiada satu kisah atau episod yang berulang dalam bentuk yang sama, dari sudut kadar yang dikemukakan dan kaedah penyampaiannya dalam konteks. Sesungguhnya setiap kali berulangnya sesuatu episod, sebenarnya ia dalam persembahan yang baru, menafikan hakikat ianya berulang”.

5. Menurut Ahmad Mahmu:d Hija:ziyy (tt:127) dalam tafsirnya al-Tafsi:r al-Wa:dih, gaya bahasa pengulangan ayat رَبُّكُمَا تُكَدِّبَانِ ۝ dalam surah al-Rahma:n disebabkan berbagai bentuk nikmat kurniaan Allah buat hamba-hambaNya. Setiap

kali dinyatakan sesuatu nikmat itu, Allah akan menyusuli dengan pertanyaan kepada mereka adakah mereka masih menolaknya. Pengulangan merupakan suatu teknik bahasa yang diterima pakai oleh orang-orang Arab sekian lama dalam perkembangan bahasa mereka zaman-berzaman.

Menurut al-Ghala:yi:niyy (1998:juz1:160) dan ‘Imi:l Badi:‘ Ya‘qu:b (1993:239) masing-masing bersepakat mentakrifkan Kata Nama Terbitan adalah merupakan perkataan yang digunakan untuk menerangkan tentang proses ataupun kejadian dengan tidak melibatkan masa.

Apabila kita merujuk kepada kamus Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab kita akan dapati maksud yang hampir sama. Menurut kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2004) مَصْدَرٌ diterjemahkan sebagai Kata Nama Terbitan yang menunjukkan kepada proses perbuatan tanpa diiringi oleh aspek masa.

Dari perbincangan di atas, nyata bagi kita perkataan ‘pengulangan’ ataupun al-Takra:r dan al-Takri:r berasal dari perkataan Karra كَرَّرَ bermakna melakukan sesuatu secara berulang-ulang kali. Dalam konteks kajian ini, secara literal ia bermaksud proses mengulang sebut sesuatu perkataan sebanyak beberapa kali berdasarkan konteks ayat berkenaan.

Memandangkan para sarjana semuanya bersetuju mengatakan bahawa Kata Nama Terbitan adalah merujuk kepada proses sedangkan Kata Nama pula adalah merujuk pada zat sesuatu objek itu sendiri, maka penulis memilih penggunaan Kata Nama Terbitan تَكَرَّرٌ bukannya تَكْرَارٌ. Penulis juga memilih penggunaan al-Takra:r (التَّكْرَارُ) kerana kebanyakan para sarjana menggunakannya berbanding dengan (التَّكْرِيْرُ) yang kurang digunakan. Secara tidak langsung pandangan ini selari dengan pandangan al-Zarkasyiyy, bahawa fonem ya:' telah bertukar kepada alif.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan yang telah disenaraikan di atas juga, jelas kepada kita bahawa pengulangan memang sebenarnya berlaku dalam ayat-ayat al-Qur'an. Pengulangan merupakan satu fenomena yang berlaku untuk memberi penekanan pada aspek yang berbeza. Lantaran pengulangan ini bukanlah menampakkan kelemahan Allah -Maha Suci Allah dari bersifat dengan kelemahan- untuk membawakan fakta yang sama pada keadaan-keadaan yang berbeza.

Kesimpulannya fenomena pengulangan merupakan satu perkara biasa yang berlaku dalam komunikasi manusia bertujuan mengingatkan. Penulis amat bersetuju dengan kenyataan Muhammad Qutb (1983: 245) menerusi bukunya Dira:sa:t Qur'a:niyya:t. Beliau menjelaskan:

وَحِينَ نَنْظُرُ إِلَى الْقُرْآنِ عَلَى أَنَّهُ كِتَابُ التَّرْبِيَةِ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ ، وَلِلْبَشَرِيَّةِ كُلِّهَا الَّتِي يَنْبَغِي

أَنْ تَدْخُلَ فِي دِينِ اللَّهِ ، تَزُولُ عَنَّا غَرَابَةُ هَذِهِ الظَّاهِرَةِ ، وَتُصْبِحُ بَعْضُ حِكْمَتِهَا عَلَى

الأقلّ مفهومةً لدينا . إنَّ التَّربِيَّةَ لَيْسَتْ قَوْلَةً تُقَالُ مَرَّةً وَتَنْتَهِي ! وَكُلُّ مَنْ مَارَسَ التَّربِيَّةَ مَعَ صَغِيرٍ أَوْ كَبِيرٍ يَعْلَمُ إِلَى أَيِّ مَدَى يَخْتَاجُ مَنْ يَتَلَقَّى التَّربِيَّةَ إِلَى "التَّذْكِيرِ" الدَّائِمِ حَتَّى يَسْتَقِيمَ عَلَى الأَمْرِ المَطْلُوبِ . وَمَنْ تَمَّ يَسْتَطِيعُ أَنْ يُقَدِّرَ الهَدَفَ التَّربَوِيَّ مِنْ عَمَلِيَّةِ التَّكْرَارِ فِي القُرْآنِ .


Maksudnya: “Apabila kita melihat al-Qur’an sebagai sebuah kitab pendidikan buat umat ini, dan buat semua manusia yang mesti memeluk agama Allah, nescaya akan hilanglah rasa hairan terhadap fenomena ini (pengulangan). Maka sekurang-kurang sebahagian daripada hikmahnya akan menjadi jelas kepada kita. Sesungguhnya pendidikan bukannya sekali cakup dan selesai! Setiap orang yang terlibat dalam bidang pendidikan samada bersama budak mahupun orang dewasa mengetahui betapa perlunya orang yang dididik kepada “peringatan” yang berterusan sehinggalah dia menjadi lurus atas sesuatu yang dituntut. Bertitik tolak dari sini barulah dia mengetahui objektif pendidikan dari fenomena pengulangan dalam al-Qur’an”.

3.2 Bala:ghat ‘Arab dalam Skop ‘Ilm al-Ma‘a:ni: dan Pengaruh Kedua-duanya Terhadap Gaya Komunikasi Orang-Orang Arab

Oleh kerana kajian ini menjurus kepada gaya bahasa dalam al-Qur’an maka sudah tentunya ia berkaitan rapat dengan perkembangan bahasa Arab mengikut penggunaannya bangsa Arab. Berdasarkan kaedah bahawa Allah s.w.t menurunkan al-Qur’an dengan menggunakan bahasa yang penuh dengan nilai-nilai kesusasteraan dan retorik yang tinggi, jauh mengatasi keindahan bahasa yang digunakan oleh orang-orang Arab, maka wajar kita mengetahui terlebih dahulu tentang pendekatan berkomunikasi dalam bahasa Arab.


Penulis memilih terminologi komunikasi dalam bahagian ini sebagai menjurus kepada perhubungan melibatkan teknik berbahasa. Menurut Noresah Baharom (2005:812) dalam Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka ialah perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain. Dalam perbincangan ini, penulis hanya memfokuskan perhubungan yang berlaku dalam komunikasi bahasa Arab melibatkan secara lisan dan penulisan.


Orang-orang Arab pada zaman jahiliah telah mencapai tahap yang begitu tinggi dalam ilmu komunikasi zaman mereka menerusi penggunaan bahasa yang indah dan jelas. Perkara ini dijelaskan oleh Allah menerusi beberapa ayat-ayat al-Qur'an. Sebagai contohnya dalam ayat 204 dari surah al-Baqara:



Maksudnya: “Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang amat keras permusuhannya (kepadamu)”.

Dalam ayat ke 19 surah al-Ahza:b pula Allah s.w.t menyifatkan perkataan orang-orang munafik yang enggan menyertai perjuangan Nabi s.a.w seperti pedang yang tajam. Firman Allah s.w.t:





Maksudnya: “Mereka bersikap bakhil kedekut terhadap kamu (wahai orang-orang mukmin untuk memberikan sebarang pertolongan); dalam pada itu apabila datang (ancaman musuh yang menimbulkan) ketakutan, engkau melihat mereka memandang kepadamu (wahai Muhammad, meminta pertolonganmu) dengan keadaan mata mereka berputar seperti orang yang pengsan semasa hampir mati. Kemudian apabila hilang perasaan takut itu, mereka mencela kamu dengan lidah yang tajam, sambil mereka tamakan kebaikan (yang diberikan Allah kepada kamu). Mereka itu tidak beriman, lalu Allah gugurkan amal-amal mereka. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya”.

Menurut al-Ra:ghib al-Asfaha:niyy (1997:222) dalam al-Mufrada:t, maksud حِدَاد dalam ayat ini disamakan dengan peranan besi yang tajam untuk menampakkan betapa kepetahan berkata-kata yang dimiliki oleh orang-orang Arab dalam percakapan.

Menurut Syawqi: Dayf (1992:9) perjuangan Nabi s.a.w yang banyak berhadapan dengan cabaran kepada golongan Arab Quraisy agar mencipta sesuatu yang menyerupai al-Qur’an yang dapat menandinginya menjadi bukti yang paling besar tentang kemampuan ‘berbahasa’ yang dinikmati oleh mereka. Orang-orang Arab yang

memiliki kekuatan bahasa Arab yang tinggi yang membolehkan mereka menilai bahasa yang hebat dan sebaliknya ternyata tewas dalam pertandingan tersebut.

Al-Qayrawa:niyy (1988: jld 1:418) mengatakan bahawa al-Khali:l bin Ahmad pernah berkata:

البلاغةُ كَلِمَةٌ تَكْشِفُ عَنِ البُعْيَةِ

Maksudnya: *Retorik yang sebenarnya adalah perkataan yang dapat mendedahkan sesuatu kehendak.*

Menurut beliau juga, sarjana-sarjana retorik Arab ditanya apakah itu البلاغة. Jawab mereka menyampaikan makna dengan ayat yang ringkas.

Al-Ja:hiz (1990: 1: 92) menerangkan maksud البلاغة dalam kitabnya al-Baya:n Wa al-Tabyi:n :

أَوَّلُ البِلاغَةِ إِجْتِمَاعُ آلَةِ البِلاغَةِ . وَذَلِكَ رَابِطُ الجَأْشِ ، سَاكِنِ الجَوَارِحِ ، مُتَخَيِّرِ اللَّفْظِ ،
لَا يُكَلِّمُ سَيِّدُ الأَمَةِ بِكَلَامِ الأَمَةِ وَلَا المَلُوكُ بِكَلَامِ السُّوقَةِ .

Maksudnya: “*Pertama dalam al-Bala:ghat itu adalah menghimpunkan alat-alatnya. Iaitulah menguasai diri, tenang pada anggota-anggota, memilih lafaz, tidak bercakap dengan tuan seseorang hamba dengan bahasa hamba dan tidak pula seorang raja dengan bahasa orang-orang bawahan*”.

Al-Mara:ghiyy (1992: 36) menerusi bukunya ‘Ulu:m al-Bala:ghat pula berkata:


بِلاَعَةُ الْكَلَامِ مُطَابَقَتُهُ لِمُقْتَضَى الْحَالِ الَّتِي يُورَدُ فِيهَا مَعَ فَصَاحَتِهِ . وَلَكِنْ يُطَابِقُ الْحَالَ إِلَّا

إِذَا كَانَ وَفَّقَ الْمُخَاطَبِينَ وَاعْتَبَارَ طَبَقَاتِهِمْ فِي الْبَيَانِ وَ قُوَّةَ الْمَنْطِقِ

Maksudnya: “Retorik sesuatu ayat adalah kerana kesamaannya dengan intipati keadaan yang hendak disampaikan beserta kefasihannya. Ayat tersebut tidak akan menyamai keadaan itu melainkan jika ia selari dengan responden dengan mengambil kira tahap mereka dalam mendapat penjelasan dan kekuatan memahami pertuturan”.

Pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas membentuk definisi tentang bala:ghaṭ Arab. Sebagai kesimpulannya roh kepada keindahan bahasa Arab itu adalah nilai-nilai retorik yang terdapat di dalamnya. Kebijaksanaan menggunakan gaya bahasa yang indah menepati syarat-syarat mengikut kajian ahli-ahli retorik Arab sangat mempengaruhi bicara yang dihasilkan. Kegagalan memilih perkataan yang tepat dan kemahiran bermain kata samada untuk dihuraikan lanjut atau diringkaskan memberi kesan terhadap penilaian pihak pendengar.

Untuk mencapai tahap kemampuan menggunakan bahasa Arab dengan unsur-unsur retorik yang tinggi, seseorang itu perlu menguasai ilmu al-Ma‘a:ni: yang menjadi cabang teras di samping ilmu al-Baya:n dan al-Badi:‘. Perkara ini boleh digambarkan menerusi gambarajah di bawah:



Rajah 3.1: Topik-topik Kajian Ilmu Bala:ghat Arab

Al-Mara:ghiyy (1992: 42) dalam buku 'Ulu:m al-Bala:ghat berkata:

عِلْمُ الْمَعَانِي هُوَ عِلْمٌ يُعْرِفُ بِهَا كَيْفِيَّةَ مُطَابَقَةِ الْكَلَامِ مُقْتَضَى الْحَالِ حَتَّى يَكُونَ وَفَقَ
 الْعَرَضِ الَّذِي سَبَقَ لَهُ ، نَعْرِفُ بِهِ السَّبَبَ الَّذِي يَدْعُو إِلَى التَّقْدِيمِ وَالتَّأخِيرِ ، وَالْإِيجَازِ
 حِيناً وَالْإِطْنَابِ آخِرَ ، وَالْفَصْلِ وَالْوَصْلِ .


Maksudnya: “*Ilmu al-Ma'a:ni: adalah ilmu yang menerusinya diketahui bagaimana menjadikan ayat selari dengan keadaan yang sebenarnya supaya menepati tujuan ia dibuat, dengannya kita dapat mengetahui faktor berlakunya mendahulukan (التَّقْدِيمِ), mengakhirkan (التَّأخِيرِ), meringkaskan (وَالْإِيجَازِ) pada suatu masa dan menghuraikannya (الْإِطْنَابِ) pada masa yang lain, memisahkan (وَالْفَصْلِ) dan menghubungkan (وَالْوَصْلِ).*”

Al-Maghribiyy (2003: jld 1:18) pula mengatakan dalam kitab Maw:ahib al-Fattah fi: Syarh Talkhi:s al-Mifta:h ilm al-Ma'a:ni: merupakan ilmu yang dengan

menguasainya menyebabkan seseorang itu mengetahui bagaimana membuat pilihan lafaz yang tepat mengikut keadaannya. Perbincangan tentang ilmu al-Ma'a:ni: pula difokus kepada 8 bab di bawah:

1. Keadaan al-Isna:d al-Khabariyy (أَحْوَالُ الْإِسْنَادِ الْخَبَرِيِّ)
2. Keadaan al-Musnad Ilayh (أَحْوَالُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ)
3. Keadaan-keadaan al-Musnad (أَحْوَالُ الْمُسْنَدِ)
4. Keadaan-keadaan Muta'alliqa:t al-Fi'l (أَحْوَالُ مُتَعَلِّقَاتِ الْفِعْلِ)
5. Al-Qasr (الْقَصْرُ)
6. Al-Insya:' (الْإِنشَاءُ)
7. Al-Fasl dan al-Wasl (الْفَصْلُ وَ الْوَصْلُ)
8. Al-Itna:b (الْإِطْنَابُ) , al-I:ja:z (الْإِيْجَازُ) dan al-Musa:wa:t (الْمِسَاوَاةُ)

Topik-topik perbincangan 'Ilm al-Ma'a:ni: itu secara ringkasnya dapat dilihat menerusi gambarajah di bawah:



Rajah 3.2 : Topik-topik Kajian ‘Ilm Al-Ma‘a:ni:

Kedua-dua penjelasan di atas menunjukkan bahawa perbincangan tentang gaya bahasa samada berbentuk bahasa yang ringkas mahupun yang bersifat huraian merupakan sebahagian dari skop ilmu al-Ma‘a:ni: iaitulah di bawah bab yang ke-8 dari pembahagian oleh al-Maghribiyy di atas.

Memandangkan kajian terhadap gaya bahasa pengulangan mempunyai kesan yang langsung terhadap panjang atau pendek sesuatu ayat, maka penulis akan membincangkan secara mendalam tentang bahagian yang ke 8 dari perbincangan ilmu al-Ma‘a:ni: iaitu keperluan untuk menghuraikan sesuatu ayat (الإطنابُ), meringkaskannya (الإيجازُ) ataupun bersederhana (المساواة) dalam komunikasi melibatkan

percakapan mahupun pertuturan. Mengapakah pengulangan yang berlaku itu pada hakikatnya merupakan suatu penghuraian yang tidak menjejaskan nilai-nilai balaghat sesuatu teks itu, terutamanya teks-teks yang menjadi topik utama kajian ini iaitulah ayat-ayat al-Qur'an.

Kecenderungan mengubah pendekatan-pendekatan ini banyak dipengaruhi oleh keadaan responden, suasana dan topik yang akan disampaikan.

Berikut adalah huraianya :

1. Perkataan الإطناب merupakan Kata Dasar yang diterbitkan dari Kata Kerja طنب. Ia diterbitkan mengikut acuan kata الإفعال. Menurut Ibn Manzu:r (1993) perkataan al-Itna:b berasal dari الطنب (al-Tanb) iaitu tali yang digunakan untuk memanjangkan dan mengikat khemah. Beliau menjelaskan al-Itna:b ialah:

الإطناب: البلاغة في المنطق والوصف ، مدحاً كان أو ذمّاً . وأطنب في الكلام : بالغ فيه . والمُطنِبُ : المدّاحُ لكلِّ أحدٍ .

Maksudnya: “Penghuraian adalah ketepatan dalam bertutur dan membuat deskripsi samada untuk tujuan memuji atau mengeji dan “membuat huraian dalam percakapan” ialah dapat menyentuh makna yang ingin disampaikan dan orang yang membuat penghuraian itu ialah orang yang suka memuji sesiapa sahaja”.

Ibra:hi:m Ani:s (1972: 567) pula mengatakan dalam kamus al-Mu‘jam al-Wasi:t, (أَطْنَبَ):

أَطْنَبَ النَّهْرُ : طَالَ بَجْرَاهُ . و- الرِّيحُ : اشْتَدَّتْ فِي غُبَارٍ . و- الدَّوَابُّ : تَبِعَ بَعْضُهَا بَعْضاً فِي السَّيْرِ . وَيُقَالُ فِي : أَطْنَبَ فِي الْكَلَامِ أَوْ الْوَصْفِ أَوْ الْأَمْرِ : بَالَعَ وَ أَكْثَرَ.

Petikan di atas menjelaskan أَطْنَبَ apabila digunakan pada perkataan sungai, ia akan menjadikan makna sungai yang panjang alirannya. Apabila perkataan أَطْنَبَ digunakan pada angin pula ia membawa makna kekuatannya bertiup hingga menerbangkan debu-debu. Penggunaan perkataan أَطْنَبَ terhadap binatang-binatang pula bermaksud pergerakan binatang-binatang itu secara berturut-turut dalam kumpulan. Perkataan أَطْنَبَ yang digunakan dalam percakapan dan membuat deskripsi pula merujuk pada memberikan penjelasan dengan terang dan jelas.

Menurut ‘Abd al-Mun‘im (1980: 10) dan bukunya Za:hira:t Al-Takra:r, Al-Itna:b pada tafsiran ulama Bala:ghaṭ adalah:

تَأْدِيَةُ الْمَعْنَى الْمُرَادِ بِالْفِعْلِ أَزِيدَ مِمَّا يَسْتَحِقُّهُ لِفَائِدَةٍ وَقَدْ فَرَّقُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ التَّطْوِيلِ بِالْقَيْدِ
الْأَخِيرِ فِي تَعْرِيفِ الْإِطْنَابِ وَهُوَ قَوْلُهُمْ لِفَائِدَةٍ

Maksudnya: “al-Itna:b adalah menerangkan makna yang dimaksudkan dengan perkataan yang lebih banyak daripada apa yang sepatutnya

“kerana sesuatu faedah” Ahli-ahli Retorik Arab membezakannya dari التَّطْوِيلِ dengan pembatasan yang terakhir dalam definisi al-Itna:b iaitu “kerana sesuatu faedah”.

Sebagai contoh ialah kata-kata al-Hutay‘at dalam bayt:

أَلَا حَبَّادًا هِنْدًا وَ أَرْضُ بِهَا هِنْدٌ * وَ هِنْدٌ أَتَى مِنْ دُونِهَا النَّأْيُ وَالْبُعْدُ

Maksudnya: “Alangkah beruntungnya Hindun dan bumi yang Hindun berada padanya. Dan Hindun itu pasti datang tanpa kehadirannya rasa jauh dan terasing”.

Penyair telahpun menghimpunkan perkataan ‘terasa jauh’ (al-Na‘y) dan ‘terasing’(al-Bu‘d), secara bersahaja tanpa menimbulkan rasa jemu kepada para pendengar kerana kebijaksanaannya bermain bicara. Pengulangan perkataan Hindun sebanyak tiga kali pula merupakan satu bentuk al-Itna:b iaitu memanjangkan ayat tersebut untuk menggambarkan keasyikannya menyebut nama kekasih berulang kali.

Menurut Fadl Hasan (1992 : 481), al-Itna:b dari sudut retorik Arab bermaksud menjelaskan sesuatu secara berlebihan. Kata beliau:

الإطناب : المبالغة في الشيء ، يُقالُ أَطْنَبَ فِي الْمَكَانِ إِذَا أَطَالَ الإِقَامَةَ فِيهِ ، وَإِذَا كَانَ الإيجازُ اشْتِمَارُ الألفظِ القليلةِ فِي معانٍ كثيرةٍ ، فَإِنَّ الإطنابَ زيادةُ اللفظِ عَلَى المعنى

Maksudnya: “al-Itna:b iaitu berlebih-lebihan dalam sesuatu. أَطْنَبَ فِي الْمَكَانِ bermakna tinggal lama di situ. Jika الإيجازُ bermakna menggunakan perkataan yang sedikit untuk menceritakan makna yang

banyak, maka الإطْئاب bermaksud menggunakan lafaz tambahan terhadap makna”.

Sebagai contohnya Allah s.w.t berfirman dalam surah Ta:ha: ayat 120:



Maksudnya: “Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: "Wahai A:dam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?”.

Menurut penelitian Sayyid Qutb (1992:3:336), apabila membaca ayat فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ

الشَّيْطَانُ yang bermaksud “Setelah itu maka Syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, maka seseorang itu akan merasa tidak sabar untuk mengetahui lebih lanjut tentang ayat berikutnya yang akan bertindak memperjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan bisikan syaitan itu”.


Lanjutan daripada itu maka Allah s.w.t menyebutkan ayat berikutnya iaitu قَالَ

يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَى yang bermaksud: “Wahai A:dam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?”.

Ayat قَالَ يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَى ini bertujuan menjelaskan

bentuk bisikan dalam ayat sebelumnya iaitu فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ.

Demikian pula dalam ayat 34-35 dari surah al-Anbiya:’, Allah s.w.t berfirman:



Maksudnya: “Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?”.

Menurut al-Qazwi:niyy (1995:117) ayat أَفَأَيْنِمْ مِتَّ فَهُمْ الْخَالِدُونَ yang bermaksud

Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?” merupakan al-Itna:b kepada ayat sebelumnya iaitu وَمَا جَعَلْنَا لِيَشْرٍ مِنْ

قَبْلِكَ الْخُلْدِ yang bermaksud; “Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?”.

Kesimpulan dari penjelasan-penjelasan di atas, al-Itna:b adalah bertambahnya lafaz dalam sesuatu kalimat melebihi makna kalimat itu kerana sesuatu sebab yang berfaedah. Teknik al-Itna:b itu begitu banyak sekali, contohnya seperti yang diterangkan oleh Basyu:ni: ‘Abd al-Fatta:h (2004:410) dalam bukunya ‘Ilm al-Ma’a:ni:. Menurut beliau, para ahli Bala:ghat mendapati orang-orang Arab mengambil pendekatan yang berbagai untuk mengambil pendekatan menghuraikan al-Itna:b. Pendekatan-pendekatan itu adalah seperti berikut:

a) الإيضاح بَعْدَ الإبهام iaitu menyebutkan lafaz yang jelas maknanya setelah menyebutkan


lafaz yang maknanya tidak jelas. Contoh gaya bahasa ini menerusi firman Allah s.w.t dalam surah al-Syua‘ara:’ ayat 133-134:



Maksudnya: “Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmatNya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak) serta anak-pinak (yang ramai), Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir)”.

Dalam ayat di atas, penjelasan tentang nikmat-nikmatNya yang dinyatakan dalam ayat 132 hanya diketahui menerusi ayat 133 dan 134 yang memberikan penjelasan iaitu “Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak) serta anak-pinak (yang ramai), Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir)”.

b) *ذِكْرُ الْخَاصِّ بَعْدَ الْعَامِ* iaitu menyebut lafaz yang khusus selepas lafaz yang berifat umum. Perkara yang khusus itu disebut untuk memfokuskan kepada kepentingannya. Sebagai contoh Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Baqarat ayat 238:



Maksudnya: “*Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk*”.

Allah s.w.t menyebut perkataan *وَالصَّلَاةَ الْوُسْطَى* secara khusus untuk mengingatkan kepentingannya. Menurut Ibn Qutaybat (1978) dalam kitab Tafsir Ghari:b al-Qur’a:n, Allah s.w.t menekankan pelaksanaan solat Asar secara khusus kerana kedudukannya. Hal ini kerana disebabkan waktu Asar merupakan waktu manusia sibuk bersiap sedia untuk pulang ke rumah selepas seharian bekerja. Jadi Allah s.w.t mengingatkan agar tidak terlupa dari mengerjakannya.

Contoh yang lain pula ialah pengumuman oleh pengawal peperiksaan mengingatkan para pelajar. Beliau berkata: “*Pastikan anda meletakkan di atas meja segala peralatan peperiksaan! Kad pengenalan hendaklah dipamerkan!*”.

Dalam konteks ini pengkhususan menyebut kad pengenalan adalah bertujuan mengingatkan tentang kepentingannya berbanding perkara yang lain. Maka kad pengenalan adalah suatu yang khusus selepas peralatan-peralatan lain yang disebut secara umum sahaja.

c) التَّكْرِيرُ لِفَائِدَةٍ iaitu mengulangi penyebutan sesuatu kerana sesuatu faedah. Sebagai

contohnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Mursala:t ayat ke 15:



Maksudnya : “Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (apa yang dijanjikan oleh Rasulnya)!”.

Al-Qazwi:niyy (1995: 114) dalam kitab al-I:da:h fi: ‘Ulu:m al-Bala:ghat berkata:

وَنَحْوِ التَّكْرَارِ قَوْلُهُ (وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ) لِأَنَّهُ تَعَالَى ذَكَرَ قِصَصًا مُخْتَلِفَةً وَأَتْبَعَ كُلَّ قِصَّةٍ بِهَذَا الْقَوْلِ فَصَارَ كَأَنَّهُ قَالَ عَقَبَ كُلَّ قِصَّةٍ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ بِهَذِهِ الْقِصَّةِ

Maksudnya: “Dan contoh pengulangan iaitulah firman Allah وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ kerana Allah s.w.t telah menyebutkan kisah-kisah yang berlainan dan Dia telah mengikutkan setiap kisah dengan kata ini maka jadilah seolah-olah Dia berfirman di hujung setiap kisah وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ .

Menerusi penerangan di atas jelas kepada kita bahawa al-Takra:r ini berlaku bertujuan mengukuhkan agar timbul penghayatan yang mendalam terhadap ayat-ayat yang diulang itu.

d) الإِيْعَالُ iaitu menjelaskan dengan lebih terperinci. Menurut Ibn Manzu:r dalam Lisah al-‘Arab (1993:jld2:106) al-I:gha:l diterbitkan dari Kata Kerja وَعَلَ yang bermaksud pergi jauh. al-I:gha:l diterbitkan atas acuan kata الإِفْعَالُ . Kata beliau:

وَعَلَ: ذَهَبَ وَأَبْعَدَ.


Maksudnya: “ وَعَلَ bermaksud pergi menjauhkan”.

Al-Maghribiyy (2003: jld 1: 661), pula berpandangan bahawa al-I:gha:l berasal dari perkataan أَوْعَلَ. Beliau menjelaskan:

الإِطْنَابُ يَحْصُلُ إِمَّا بِالِإِبْصَاحِ وَإِمَّا بِكَذَا وَإِمَّا بِالِإِيْعَالِ ، وَأَصْلُهُ مِنْ أَوْعَلَ فِي الْبَلَدِ
إِذَا أُسْرِعَ السَّيْرَ فِيهَا حَتَّى أْبْعَدَ فِيهَا

Maksudnya: “*al-Itna:b* berlaku samada dengan cara memberikan penjelasan ataupun dengan cara yang lain ataupun dengan cara Al-I:gha:l yang berasal dari Kata Kerja أَوْعَلَ yang bermakna pergi jauh ke dalam negara iaitu jika bergerak dengan pantas di dalamnya sehingga menjadi jauh di dalamnya”.

Ibra:hi:m Muhammad (2001:jld 2:89-90) berkata, contoh dalam al-Qur’an adalah firman Allah s.w.t dalam surah Ya:si:n ayat 20-21:



Maksudnya: “Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam), datanglah seorang lelaki dari hujung bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya:” Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu -” Turutlah orang-orang yang tidak meminta kepada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang mendapat hidayah petunjuk”.

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t menyifatkan golongan rasul-rasul itu sebagai golongan yang beroleh hidayah (وَهُمْ مُهْتَدُونَ). Perkara seperti ini merupakan satu penambahan kepada fakta dalam gaya komunikasi.

Ibra:hi:m Muhammad (2001:jld 2:89-90) menjelaskan lagi, semua orang samada yang hidup pada zaman perutusan itu ataupun yang membaca ayat ini meyakini bahawa para rasul yang diutuskan mendapat hidayah daripadanya. Mereka menolak seruan para rasul kerana engkar. Jadi, pastilah ayat وَهُمْ مُهْتَدُونَ yang merupakan satu penghuraian yang mengambil pendekatan ‘pergi jauh’ al-I:gha:l untuk memberikan penjelasan dalam komunikasi.

Penulis melihat di samping ayat **وَهُمْ مُهْتَدُونَ** merupakan al-I:gha:l yang menjadi penjelasan, frasa **لَا يَسْأَلُكُمْ** juga merupakan satu kaedah al-I:gha:l . Hakikatnya ayat **وَهُمْ مُهْتَدُونَ** bukannya menjelaskan sesuatu keaburan dari jenis al-I:da:h ba'd al-Awha:m dan bukan pula mengkhususkan sesuatu perkara berbanding sebelumnya seperti dalam pendekatan dhikr al-kha:s ba'd al-'a:m. Pendekatan menghuraikan ini juga bukannya seperti pendekatan pengulangan kerana sesuatu keperluan al-takri:r li fa:'idaṭ.

Walaupun, penulis tidak menafikan kemungkinan golongan yang diseru itu tidak mengetahui mendalam tentang para rasul yang diutuskan Allah s.w.t bahawa para rasul tidak pernah memohon upah dari kerja-kerja yang dilakukan. Jika mereka memang sebenarnya hanya mendengar bahawa para rasul dikurniakan petunjuk tetapi mereka tidak pula mengetahui bahawa para rasul tidak meminta upah, maka ayat **وَهُمْ مُهْتَدُونَ** kekal sebagai pendekatan. Ayat **لَا يَسْأَلُكُمْ** pula tergolong dalam pendekatan **الإيضاح بعد الإيهام**.

Contoh yang lain adalah kata-kata pujian terhadap Za`ba seperti yang ditulis oleh Haron Daud. Kata beliau (1996:351): “Ketokohan dan keintelektualan Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih dikenali sebagai Za’ba mungkin tidak perlu dipersoalkan. Sumbangan beliau dalam bidang keilmuan dan pendidikan diakui dengan penganugerahan ijazah Doktor Kehormat Persuratan oleh Unversiti Malaya, Singapura

pada tahun 1959. Buah pikiran beliau yang bernas dengan berbagai-bagai bidang yang berkaitan dengan orang Melayu seperti ekonomi, politik, agama dan pendidikan melayakkannya digelar “Pendita”.

Dalam contoh ini ayat yang kedua iaitu “Sumbangannya dalam bidang keilmuan dan pendidikan diakui dengan penganugerahan ijazah Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti Malaya pada tahun 1959” merupakan satu bentuk penjelasan al-I:gha:l iaitu penjelasan ‘yang lebih jauh’ terhadap personalitinya.

e) التَّدْيِيلُ. al-Maghribiyy (2003: jld 1: 664) dalam kitab Mawa:hib al-Fatta:h, dari sudut literal bermaksud menjadikan sesuatu tambahan kepada sesuatu. Manakala dari sudut retorik bermaksud meletakkan di akhir ayat suatu ayat yang lain.


Fadl Hasan ‘Abba:s (1992:492) menjelaskan:

التَّدْيِيلُ فِي اللُّغَةِ جَعْلُ شَيْءٍ ذِيلاً لِّشَيْءٍ آخَرَ ، وَالْمَعْنَى الاصْطِلَاحِيُّ مُنْبِتُّ عَنْ هَذَا الْمَعْنَى ، فَقَدْ عَرَفُوا التَّدْيِيلَ بِأَنَّهُ تَعْقِيبُ الْجُمْلَةِ بِجُمْلَةٍ أُخْرَى مُتَّفِقَةً مَعَهَا فِي الْمَعْنَى تَأْكِيداً لِلْجُمْلَةِ الْأُولَى

Maksudnya: “Membuat iringan dari sudut literal bermaksud mengiringi sesuatu kepada suatu yang lain. Dari sudut retorik pula ia lahir dari makna ini iaitu para ahli retorik Arab menjelaskan membuat iringan ini sebagai meletakkan suatu ayat selepas suatu ayat yang membawa dalam keadaan wujudnya keserasian untuk menegaskan ayat yang sebelumnya itu”.

Kesimpulannya al-Tadhyi:l itu merupakan penyertaan suatu kalimat di samping kalimat yang lain yang mencakupi maknanya. al-Tadhyi:l ini berfaedah sebagai satu bentuk al-Tawki:d.

Ibra:hi:m Muhammad (2001: jld 2: 90-91) dalam bukunya al-Atwal: Syarh Talkhi:s Mifta:h al-‘Ulu:m memberikan contoh al-Tadhyi:l menerusi firman Allah s.w.t dalam surah Saba’ ayat 17 iaitu:



Maksudnya : *Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan apa yang mereka kufurkan; dan Kami tidak akan menimpakan balasan melainkan kepada orang-orang yang amat kufur.*

Dalam ayat ini firman Allah *وَهَلْ يُجَازِي إِلَّا الْكُفُورَ* menjadi satu bentuk pengukuhan terhadap *دَلِيلِكَ جَزَيْنَاهُمْ بِمَا كَفَرُوا* sebelumnya. Ia terletak dalam kategori al-Tadhyi:l yang sedang kita bincangkan. Ayat *وَهَلْ يُجَازِي إِلَّا الْكُفُورَ* merupakan suatu ‘iringan’ al-Tadhyi:l terhadap ayat sebelumnya iaitu firman Allah *دَلِيلِكَ جَزَيْنَاهُمْ بِمَا كَفَرُوا* . Ia merupakan satu bentuk huraian untuk menegaskan ayat sebelumnya iaitu tabiat mengkufuri dan mengingkari suruhan Allah. Dalam ayat ini kita dapat merasakan keserasiannya dengan ayat sebelumnya.

Pendekatan al-Tadhyi:l ini selain dari digunakan dalam komunikasi menerusi ayat-ayat al-Qur'an, turut digunakan dalam hadith Nabi s.a.w. Sebagai contohnya dalam hadith Qudsiyy riwayat Muslim (1998: 1039: no. 2577), Nabi s.a.w bersabda:

كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ ، فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِيكُمْ

Maksudnya: “Setiap orang di kalangan kamu adalah sesat, kecuali orang yang aku berikan hidayah kepadanya, maka mintalah petunjuk daripadaKu, nescaya akan Ku berikan petunjuk kepadamu”.

Dalam hadith ini sabda Nabi s.a.w فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِيكُمْ yang bermaksud “maka mintalah petunjuk daripadaKu, nescaya akan Ku berikan petunjuk kepadamu” merupakan penjelasan dalam kategori al-Tadhyi:l terhadap kata-kata sebelumnya iaitu كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ yang bermaksud, “Setiap orang di kalangan kamu adalah sesat, kecuali orang yang aku berikan hidayah kepadanya”.

f) الْاِحْتِرَاسُ berasal dari Kata Kerja حَرَسَ , diterbitkan atas acuan kata الْاِفْتِعَالُ yang bermaksud penjagaan. Menurut ‘Abd al-‘Azi:z ‘Ati:q (t.t : 186) al-Ihtira:s merupakan tergolong dalam kategori al-Itna:b yang bertujuan memberikan penjelasan.

Menurut Fadl Hasan (1992 : 494-495), al- Ihtira:s (الاحتِرَاسُ) juga dipanggil sebagai al-Takmi:l (التَّكْمِيلُ) yang bermakna penyempurnaan kerana tugas huraian itu ialah menyempurnakan mesej agar tidak berlaku silap faham.

Dalam situasi ini seseorang yang berbicara itu bertanggungjawab menambahkan lafaz atau kalimat apabila dia merasa bimbang kemungkinan berlakunya silap faham terhadap sesuatu yang telah disampaikan. Dari sini penting kaedah al-Ihtira:s ataupun al-Takmi:l ini dilakukan.

Sebagai contoh kaedah al-Ihtira:s ataupun al-Takmi:l ini ialah firman Allah s.w.t tentang mukjizat yang dikurniakan kepada Nabi Mu:sa: a.s dalam surah al-Naml ayat 12 iaitu:




Maksudnya: “Dan masukkanlah tanganmu melalui belahan dada bajumu, nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tidak ada cacat (ini ialah) di antara sembilan mukjizat (yang membuktikan kebenaranmu)”.

Kenyataan Allah s.w.t مِنْ غَيْرِ سُوءٍ yang bermaksud dengan tidak ada cacat merupakan suatu al-Itna:b dari kategori al-Ihtira:s. Tujuan Allah s.w.t mendatangkan ayat dengan tidak ada cacat bagi mengelakkan pembaca al-Qur’an dari membayangkan bahawa بَيْضَاءٌ iaitu putih bersinar-sinar itu adalah suatu penyakit seperti kusta.

g) التَّشْمِيمُ iaitu membawakan dalam ayat sesuatu penambahan kerana sesuatu faedah.

Sebagai contohnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarat_ ayat 177:



Maksudnya: “Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya”.

Menurut al-Basyu:niyy (1998: 419) menerangkan frasa عَلَىٰ حُبِّهِ dalam ayat ini membawa dua makna samada merujuk kepada sayang seseorang yang berderma itu disebabkan kasihnya kepada Allah s.w.t ataupun bermaksud dia membelanjakan hartanya walaupun dia amat menyayanginya.

Menurutnya, jika Ganti Nama pada perkataan حُبِّهِ itu kembali kepada Allah s.w.t maka ayat ini bukanlah tergolong dalam ayat kerana ia merupakan sebahagian daripada ayat.

Tetapi jika ia kembali kepada harta menjadikan maksudnya berkorban demi ketaatan pada Allah s.w.t walaupun terpaksa mengorbankan harta yang paling disayanginya, maka ayat ini tergolong dalam al-Tatmi:m. Perkara ini disebabkan ayat di atas sudah sempurna apabila dikatakan setakat ayat **وَآتَى الْمَالَ** tanpa memerlukan kepada frasa **عَلَى حُبِّهِ**. Ini disebabkan frasa **عَلَى حُبِّهِ** bukannya merupakan rukun kepada ayat. Frasa **عَلَى حُبِّهِ** hanyalah merupakan suatu penambahan yang ketiadaannya tidak menjejaskan makna keseluruhan ayat. Tetapi tujuan Allah s.w.t menyebutkan bagi menunjukkan kesungguhan hambaNya melakukan derma kepada golongan yang memerlukan.


Dalam ini, satu padanan telah ditemui dengan pandangan al-Zamakhshariyy (1995: jld 1: 216) yang mengatakan bahawa Ganti Nama pada perkataan **عَلَى حُبِّهِ** sebenarnya merujuk kepada orang yang yang melakukan derma dalam keadaan hati kecilnya amat menyayangi harta itu. Ini disebabkan ayat ini memberi fokus terhadap segelintir manusia yang cuba membataskan keimanan itu hanyalah dalam amalan-amalan ibadah yang khusus seperti solat semata-mata. Hakikatnya amalan-amalan lain yang dikerjakan mereka juga merupakan tanda keimanan kepada Allah s.w.t. Ini termasuklah keimanan kepada Allah, dan hari akhirat, para malaikat, semua Kitab, dan sekalian Nabi dan mendermanya seseorang hartanya sedangkan ia menyayangi hartanya. Jadi ayat ini ditujukan kepada kategori manusia yang belum memahami

konteks keimanan yang masih cinta berlebihan kepada harta. Keadaan ini tentulah berbeza dari orang yang beriman kepada Allah s.w.t dengan sebenarnya yang berbelanja di jalan Allah kerana mengasihi Allah lebih dari hartanya.

Berdasarkan penerangan yang rasional ini jelaslah kepada kita frasa *عَلَىٰ حُبِّهِ* merujuk kepada hati orang yang menderma itu. Jadi ayat ini merupakan sejenis huraian yang mengambil pendekatan al-Tatmi:m.

h) *الاعتراضُ* iaitu membawakan satu klausa pada tengah dua potong ayat yang berkaitan antara satu dengan yang lain sedangkan klausa itu tidak memiliki kedudukan dalam I'ra:b.

Contoh al-I'tira:d ini adalah firman Allah s.w.t dalam ayat ke-57 dari surah al-Nahl:



Maksudnya: *“Dan mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Suci Ia. Sedang bagi mereka pula mereka sediakan apa yang mereka sukai (anak-anak lelaki)”*.

Dalam ayat ini Allah s.w.t klausa *سُبْحَانَهُ* yang bermaksud Maha Suci Ia merupakan satu bentuk penghuraian dari kategori al-I'tira:d. Walaupun ayat ini dapat

difahami tanpa frasa *سُبْحَانَهُ* tetapi kewujudannya di tengah ayat menjadikan ayat tersebut lebih mantap kerana ia menafikan kenyataan dalam ayat sebelumnya.

Dari ragam-ragam al-Itna:b di atas kita dapati huraian berperanan sebagai satu elemen penting dalam kajian ilmu al-Ma'a:ni: untuk menyampaikan makna yang lebih lengkap, sebagai memenuhi kriteria *bala:ghaṭ* yang sebenarnya. Walaupun ayat itu kelihatan panjang tetapi ia merupakan huraian kepada sesuatu yang tersirat yang hanya dapat disampaikan menerusi satu daripada lapan kaedah di atas.

Pengulangan adalah merupakan satu ragam al-Itna:b. Ia berbeza dari ragam-ragam al-Itna:b yang lain kerana ia mengambil pendekatan mengulangi lafaz. Walaupun begitu pengulangan ini sebenarnya membawa makna yang berbeza. yang sama dengan tujuan mengukuhkan makna.

Al-Tha'a:libiyy (2000:421) telah mengemukakan suatu penjelasan yang menyokong fakta di atas menerusi sebuah karyanya yang bertajuk *Fiqh al-Lughat*. Beliau menjelaskan:

مِنْ سُنَنِ الْعَرَبِ فِي إِظْهَارِ الْعِنَايَةِ بِالْأَمْرِ التَّكْرَارُ وَالْإِعَادَةُ ، كَمَا قَالَ الشَّاعِرُ : كَمْ نِعْمَةٌ
كَانَتْ لَكُمْ كَمْ كَمْ وَ كَمْ
فَكَرَّرَ لَفْظَ كَمْ لِلْعِنَايَةِ بِتَكْثِيرِ الْعَدَدِ

Maksudnya: “Antara tradisi orang-orang Arab untuk menunjukkan kepentingan terhadap sesuatu urusan ialah mereka mengulangi perkara tersebut. Ini seperti yang dikatakan oleh penyair dalam sajaknya: Berapa

banyak nikmat yang telah kamu peroleh, berapa banyak, berapa banyak dan berapa banyak ?

Maka diulangi lafaz (كَمْ) yang bermaksud berapa sebanyak tiga kali dalam puisi itu untuk menunjukkan betapa banyaknya nikmat yang telah diberikan.

3.2.1 Pendekatan al-I:ja:z.

Perkataan al-I:ja:z diterbitkan dari Kata Kerja وَجَزَ iaitu telah menjadi ringkas. Ia diterbitkan atas acuan kata al-If'a:l-Ihtira:s. Ibn Manzu:r (1993) menjelaskan dalam Lisa:n al-‘Arab:

وَجَزَ الْكَلَامُ وَحَازَهُ وَوَجَزاً وَأَوْجَزَ، أَوْجَزُهُ: اخْتَصَرَهُ. وَكَلَامٌ وَجِيزٌ أَي خَفِيفٌ مُقْتَصِرٌ

Maksudnya: *“Percakapan itu ringkas dengan seringkas-ringkasnya dan ringkas dan dia meringkaskan. Meringkaskan sesuatu. Percakapan yang ringkas iaitu yang ringan dan pendek.”*

Al-Qayrawa:niyy (1988: jld1: 418) membawakan sebuah hadith untuk menegaskan perbincangan ini bahawa Nabi s.a.w dilaporkan telah bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ وَجْهَ رَجُلٍ أَوْجَزَ فِي كَلَامِهِ وَافْتَصَرَ عَلَى حَاجَتِهِ


Maksudnya: *“Allah s.w.t menceriakan wajah seseorang yang meringkaskan bicaranya dan memendekkannya mengikut keperluannya”*

Menurut Muhammad ‘Abd Rabbih (1999: jld 2: 123) dalam al-‘Iqd al-Fari:d, al-I:ja:z bererti membuang perkataan-perkataan yang tidak diperlukan dan mendekatkan yang jauh.

Para ahli retorik Arab pula seperti yang diterangkan oleh Fadl Hasan ‘Abba:s (1992:456-457) mengatakan bahawa perkataan al-I:ja:z bermaksud menggunakan perkataan-perkataan yang sedikit untuk menerangkan sesuatu makna yang besar dan unggul.

Walaupun demikian seperti yang ditekankan oleh al-Ja:hiz (1992) ini tidaklah bermakna pendekatan al-I:ja:z cenderung untuk memilih bilangan huruf ataupun perkataan yang sedikit semata-mata.

Sebagai contohnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Dha:riya:t ayat 25:



Maksudnya: *“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal tetamu Nabi Ibra:hi:m yang dimulihkan? Ketika mereka masuk menemuinya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu!" Ia menjawab: Salam sejahtera kepada kamu! "(Sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal".*

Menurut al-Zamakhshariyy (1995:jld4 :391), ayat ini menceritakan perihal rombongan malaikat yang datang menziarahi Nabi Ibra:hi:m a.s sebelum meneruskan perjalanan untuk menjatuhkan hukuman kepada kaum Nabi Lu:t a.s. Rombongan ini terdiri dari beberapa orang malaikat diketuai oleh Jibri:l a.s.

Pendekatan al-I:ja:z yang berlaku dalam komunikasi ini dapat diperhatikan menerusi:

- a) FirmanNya *فَقَالُوا سَلَامًا* yang membawa makna, mereka masuk menemuinya lalu memberi salam dengan berkata: "*Salam sejahtera kepadamu!*"
- b) FirmanNya *قَالَ سَلَامٌ* yang bermaksud Ia menjawab: Salam sejahtera
- c) FirmanNya *قَوْمٌ مُنْكَرُونَ* yang bermaksud orang-orang yang tidak dikenal

Dalam bahagian yang pertama (a), unsur al-I:ja:z terletak pada ayat *فَقَالُوا سَلَامًا*. Ayat ini mengandungi objek penegas *مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ* iaitu pada perkataan *سَلَامًا* kepada 'a:mil *عَامِلٌ* sebelumnya.'A:mil tersebut samada boleh ditaqdir dalam bentuk Kata Kerja dalam rangkap *نُسَلِّمُ عَلَيْكُمْ* atau Kata Dasar dalam rangkap *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ*. Allah s.w.t hanya menyatakan *فَقَالُوا سَلَامًا*, iaitu mereka memberi salam tanpa menyatakan dalam ayat yang sempurna samada dalam rangkap *نُسَلِّمُ عَلَيْكُمْ* ataupun *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ*.


Demikian pula dalam bahagian kedua (b) pendekatan al-I:ja:z yang diperhatikan ialah Allah s.w.t hanya menyebut Ia menjawab: Salam sejahtera , tanpa menyatakan Nabi Ibra:hi:m a.s menjawab. Melihat kepada wacana ini perlu bagi kita untuk memahami konteks penceritaan yang dikemukakan.

Menurut Sayyid Qutb (1992:6:3382) pula, beliau menjelaskan situasi yang berlaku itu menyebabkan Nabi Ibra:hi:m a.s merasa hairan. Antara faktor kehairanan

baginda ialah kedatangan rombongan yang tidak diundang dalam keadaan yang mengkagumkan, tiada kesan melalui perjalanan yang jauh dan kemudiannya kerana mereka tidak sudi menjamu hidangan yang disediakan. Dalam keadaan tergamam kehairanan mampu menyebabkan seseorang mengulangi ucapan yang sama dengan yang diucapkan kepadanya. Dalam konteks ini, Nabi Ibra:hi:m a.s menjawab ucapan para tetamu sama dengan ucapan yang diajukan kepada baginda, iaitu katanya: “*Salam sejahtera atas kamu!*”.

Menurut al-Zamakhsyariyy (1995: jld 4: 391) kita dapat perhatikan bahawa dalam bahagian ketiga (c) pula pendekatan al-I:ja:z secara jelas kelihatan apabila ayat ini terus menutup ‘tirai penceritaan’ dengan firmanNya yang bermaksud: “*orang-orang yang tidak dikenal*”. Apabila Nabi Ibra:hi:m a.s menyedari kelainan yang ada pada para tetamunya, menyebabkan terbit perkara itu dalam mindanya.

Antara contoh yang lain pula adalah ayat yang dibahaskan oleh al-Suyu:tiyy (2003:1:200) menerusi Mu‘tarak al-Aqra:n. Ayat tersebut adalah ayat ke-71 dari surah al-Zukhruf iaitu firmanNya:



Maksudnya: “*dan di dalam Syurga itu pula disediakan segala yang diingini oleh nafsu serta di pandang indah oleh mata*”.

Menurut al-Suyu:tiyy (2003:1:200) kedua deskripsi yang terdapat dalam ayat iaitu ‘*yang diingini oleh nafsu*’ dan ‘*dipandang indah oleh mata*’ sudah cukup untuk menggambarkan anugerah yang bakal diberikan oleh Allah kepada ahli syurga.

Kesemua nikmat yang dibayangkan oleh akal manusia semuanya sudahpun termasuk dalam gambaran yang cukup sempurna yang dikemukakan dalam frasa yang ringkas ini.

Kesimpulannya, jelaslah kepada kita bahawa kaedah al-I:ja:z ini merupakan satu pendekatan yang mengumpulkan makna yang banyak dengan kata-kata yang sedikit dalam ayat yang jelas lagi fasih. Ia tidak perlu kepada penghuraian kerana para pendengar sudahpun mengetahuinya. Al-I:ja:z ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu:

- a. I:ja:z qisa:r : iaitu i:jaz dengan menggunakan ungkapan yang yang pendek namun mengundang banyak makna, tanpa disertai pembuangan beberapa perkataan.
- b. I:ja:z hadhf, iaitu i:ja:z dengan cara membuang sebahagian perkataan atau kalimat dengan syarat adanya qari:naṭ atau petunjuk yang menunjukkan adanya lafaz yang dibuang itu.

3.2.2 Pendekatan al-Musa:wa:t

Perkataan al-Musa:wa:t berasal dari Kata Kerja سَوَّى yang bermakna sama. Menurut Ibn Manzu:r (1993: jld 1: 641):

ساوَى الشَّيْءَ الشَّيْءَ إِذَا عَادَلَهُ

Maksudnya: “Telah menyamai sesuatu itu suatu yang lain iaitu menjadi setara dengannya”.

Menurut Fadl Hasan ‘Abba:s (1992:507), maksud *المساواة* adalah lafaz-lafaz yang digunakan bersamaan dengan maksud-maksud yang dikemukakan, tanpa terlalu berlebihan atau terlalu kurang.

Pada hemat penulis *al-Musa:wa:t* adalah pengungkapan perkataan yang maknanya sesuai dengan bilangan kata-kata, dan kata-katanya pula sesuai dengan konteks makna yang dikehendaki, tanpa sebarang penambahan ataupun pengurangan. Antara contoh yang dikemukakan oleh beliau yang merujuk pada *al-Musa:wa:t* iaitu firman Allah dalam surah *al-Anbiya:*’ ayat ke 23:



Maksudnya: “*Dia (Allah) tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak*”.

Al-Zamakhshariyy (1995:3:107-108) menjelaskan dalam tafsirannya terhadap ayat ke-23 ini, sekiranya para raja yang menguasai negara masing-masing tidak ditanya terhadap tindak-tanduk mereka, demikian pula Allah sudah tentu lebih-lebih lagi tidak akan dipersoalkan tentang segala ketetapanNya.

Ibn ‘Atiyyat (2002:1277) pula menjelaskan dalam tafsirnya *al-Muharrar al-Waji:z*, bahawa ayat ini terletak antara dua bentuk ayat huraian, samada iaitu:

أَنَّهُ بِحَقِّ مُلْكِهِ وَسُلْطَانِهِ لَا يُعَارَضُ وَلَا يُسْأَلُ عَنْ شَيْءٍ يَفْعَلُهُ إِذْ لَهُ أَنْ يَفْعَلَ فِي مُلْكِهِ
مَا يَشَاءُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya dengan hak kerajaannya dan kekuasaannya, Dia tidak boleh dibantah dan dipersoalkan tentang sesuatu yang dilakukan, kerana Dia berkuasa melakukan dalam kerajaannya apa sahaja yang dikehendaki*”.

Ataupun ayat ini boleh diringkaskan kepada:

أَنَّهُ مُحْكَمٌ الْأَفْعَالِ وَاضِعٌ كُلِّ شَيْءٍ مَوْضِعَهُ

Maksudnya: “*Bahawa sesungguhnya Dia amat tepat dalam kerjanya, meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sesuai*”.

Penulis bersetuju dengan pandangan Ibn ‘Atiyya bahwa hakikatnya ayat ke 23 surah al-Anbiya:’ ini sebenarnya telah mengambil pendekatan al-Musa:wa:t iaitu setara. Kita dapat melihat bahawa maksud yang dikemukakan ayat adalah setara dengan bilangan perkataan yang digunakan.

Secara kesimpulannya kaitan antara ketiga al-Itna:b, al-I:ja:z dan al-Musa:wa:t dapat difahami menerusi pandangan Ibra:hi:m Ani:s (1972: 567) menjelaskan:

الإِطْنَابُ (فِي عِلْمِ الْمَعَانِي) أَنْ يَزِيدَ اللَّفْظَ عَلَى الْمَعْنَى لِفَائِدَةٍ. وَهُوَ يُقَابِلُ الْإِجْزَاءَ،
وَتَنَوَسَّطُهُمَا الْمُسَاوَةٌ.

Maksudnya: “*al-Itna:b dalam perbincangan ilmu al-Ma’a:ni: bermaksud menambah apa-apa perkataan terhadap sesuatu makna yang ingin disampaikan kerana sesuatu faedah. Ia adalah berlainan dari al-I:ja:z iaitu meringkaskan bicara atau percakapan. Antara menambah*

penghuraian dalam bertutur dan meringkaskannya dinamakan al-Musa:wa:ṭ iaitu setara”.

Menerusi perbincangan di atas, jelaslah kepada kita mengapa para ahli retorik Arab meletakkan al-Takra:r sebahagian dari al-Itna:b yang diperlukan dalam keadaan-keadaan tertentu untuk memperjelaskan mesej. Ini berbeza dari al-I:ja:z iaitu meringkaskan disebabkan keadaan-keadaan tertentu perlu kepada bicara yang ringkas tanpa huraian yang berlebihan. Kemahiran menguasai teknik menyampaikan maklumat samada secara ringkas dengan ayat-ayat yang pendek tetapi padat atau membawakan huraian ataupun menggunakan ayat yang sederhana menghasilkan suatu impak yang jelas untuk difahami. Perkara inilah yang menjadi aset berharga memperbaiki mutu retorik Arab seseorang itu.

Al-Takra:r membawa makna tambahan kerana sesuatu keperluan samada untuk memperkukuhkan sesuatu perkara bagi menyampaikan sesuatu mesej. Al-Takra:r menjadikan sesuatu perkara mendapat perhatian yang sepatutnya lantaran impak dari sudut penekanan bersifat psikologi yang terdapat dalam sesuatu kenyataan.

3.3 Faktor Berlakunya Pengulangan Dalam al-Qur'an

Tujuan pengulangan secara asasnya adalah bagi pengukuhan (al-tawki:d) mesej. Pada hemat penulis pengulangan yang berlaku mempunyai kaitan yang rapat dengan psikologi. Lumrahnya pengulangan itu bertujuan mengingatkan seseorang tentang kepentingan sesuatu urusan. Seorang anak diingatkan berkali-kali tentang sesuatu

perkara oleh ibunya agar dia tidak terlupa. Sudah tentu niat si ibu mengulangi sesuatu perkara itu bermotifkan kebaikan bagi anaknya.

Secara amnya, terdapat dua pandangan para ulama Islam tentang gaya bahasa pengulangan dalam ayat-ayat Allah s.w.t. Pandangan pertama beranggapan bahawa pengulangan itu berlaku dengan objektif pengukuhan al-Tawki:d terhadap makna atau mesej yang hendak dikemukakan.

Al-Ba:qilla:niyy (1963: juz 2: 152) mencatat:

لَقَدْ عَلِمْنَا أَنَّ اللَّهَ تَحَدَّى الْمُعَارِضِينَ بِالسُّورِ كُلِّهَا وَمَا يَخُصُّ ، فَعَلِمَ أَنَّ جَمِيعَ ذَلِكَ مُعْجِزٌ ،
وَذَلِكَ لِأَنَّ الْكَلِمَاتِ الْمُكَرَّرَةَ لَفْظًا ، هِيَ ذَاتُ مَعَانٍ جَدِيدَةٍ بَعْدَ تَكَرُّرِهَا .

Maksudnya: “Kita semua mengetahui dengan sebenarnya bahawa Allah s.w.t telah mencabar golongan yang menentang dengan surah-surah semuanya tanpa mengkhususkan. Maka dapatlah difahami bahawa semua surah al-Qur’an itu bersifat Mu’jiz (mukjizat). Setiap perkataan yang diulang sebutannya, mempunyai makna yang baru selepas pengulangannya”.

Antara lain al-Iska:fiyy (1977: 356) memberikan contoh firman Allah s.w.t dari surah al-Naba’ ayat 4-5, Allah berfirman:



Maksudnya: “Sekali-kali tidak! (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan mengetahui (dengan yakin tentang kebenaran hari balasan itu). Sekali lagi tidak! (Janganlah mereka berselisihan!) Mereka akan mengetahui kelak (tentang apa yang akan menimpa mereka”).


Beliau berpendapat penggunaan كَلَّا سَيَعْلَمُونَ dalam ayat ke empat merujuk kepada pengetahuan mereka itu berlaku di dunia. كَلَّا سَيَعْلَمُونَ manakala penggunaan كَلَّا سَيَعْلَمُونَ digunakan dalam ayat ke lima pula berlaku apabila mereka melihat hakikat balasan itu di akhirat kelak.

Al-Karma:niyy (1977: 245)berkata:

قَوْلُهُ : كَلَّا سَيَعْلَمُونَ(4)ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ(5) ... قِيلَ التَّكْرَارُ لِلتَّأْكِيدِ

Maksudnya: “*Jangan! (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan mengetahui (dengan yakin tentang kebenaran hari balasan itu),(ayat4) Sekali lagi jangan! (Janganlah mereka berselisihan!) Mereka akan mengetahui kelak (tentang apa yang akan menimpa mereka)(ayat5). Pengulangan ini adalah bertujuan untuk menguatkan*”.

Menurut al-Syanqi:tiyy (1996: jld 9: 4) antara lain berkata dalam, كَلَّا سَيَعْلَمُونَ yang kedua disebut oleh Allah s.w.t untuk mengukuhkan كَلَّا سَيَعْلَمُونَ yang disebut dalam ayat yang pertama. Buktinya ialah Allah s.w.t telah menyebutkan ayat yang sama dalam firmanNya menerusi surah al-Taka:thur iaitu:



Maksudnya: “*Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali*

lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)! Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui - (apa yang kamu akan hadapi) - dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekal kamu untuk hari akhirat”.

Pengetahuan terhadap hukuman yang menanti itu hanya akan diketahui apabila berlakunya kiamat. Inilah sebab mengapa Allah s.w.t menggunakan huruf Saufa (سَوْفَ) pada perkataan yang merujuk kepada perkara yang akan datang (al-Syanqi:tiyy: 1996).

Pada hemat penulis ayat-ayat dari surah al-Naba' ini perlu dilihat secara menyeluruh menerusi ayat-ayat yang awal sebelumnya. Ayat-ayat yang awal berkisar tentang perbezaan pandangan manusia yang engkar terhadap kebangkitan semula pada hari kiamat kelak. Terdapat di kalangan mereka yang menolak kebenarannya walaupun hati kecil mereka menerimanya.

Pada hakikatnya perbuatan mempertikaikan kebangkitan adalah satu yang serius kepada iman manusia sehingga menyebabkan Allah s.w.t mengulangi ayat كَلَّا سَيَعْلَمُونَ itu. Seolah-olah Allah s.w.t mengingatkan dengan nada memberi amaran: “Nanti kamu akan mengetahuinya! Penegasan yang berlaku dalam konteks ini amat diperlukan supaya kesedaran timbul dalam diri pembaca”.

Seterusnya apabila kita mengkaji ayat-ayat berikutnya dari surah al-Naba' pula Allah s.w.t mendatangkan fenomena kejadian alam melibatkan penciptaan bumi, malam dan siang serta nikmat tidur yang dilalui oleh manusia. Semua perkara yang disebutkan itu terutamanya tidur dan bangun darinya yang dinyatakan dalam ayat-ayat berikutnya itu dibawakan adalah bertujuan menyokong hujah kebenaran kebangkitan semula yang telah ditegaskan dalam kedua-dua ayat كَلَّا سَيَعْلَمُونَ .

Melihat kepada ayat-ayat al-Taka:thur yang dikemukakan oleh Muhammad Ami:n untuk menyokong pandangannya, memang tidak dapat dinafikan terdapatnya persamaan, tetapi dalam masa yang sama apakah yang membezakannya dari surah al-Naba'. Penggunaan ayat fi'liyyaۡt kata kala kini dan akan datang dalam surah al-Taka:thur ini menepati kata kala kini dan akan datang كَلَّا سَيَعْلَمُونَ yang telah dibincangkan dalam ayat dari surah al-Naba' sebelumnya. Perbezaan antara ayat surah al-Taka:thur ialah pada penggunaan partikel س yang merujuk pada peristiwa yang akan berlaku dalam masa yang hampir sedangkan dalam ayat surah al-Naba' sebelumnya Allah s.w.t menggunakan partikel سَوْفَ yang merujuk kepada satu tempoh masa yang lebih panjang.

Pemilihan partikel yang berlainan ini disebabkan perbezaan konteks berdasarkan perbezaan kedudukan kedua-dua surah tersebut. Ini disebabkan ayat dari surah al-Naba' mengisahkan tentang peristiwa hari kiamat yang pasti akan berlaku. Peristiwa ini digambarkan akan terjadi dalam masa terdekat bersesuaian dengan perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir. Tempoh yang tinggal antara perutusan Nabi Muhammad s.a.w dengan kiamat berlaku adalah terlalu hampir jika dibandingkan

dengan perutusan Nabi-nabi kepada umat-umat mereka. Jadi pemilihan tersebut sangat menepati konteks ayat.

Dalam ayat dari surah al-Taka:thur yang menceritakan ketamakan manusia mengumpulkan harta dan kesibukannya menguruskannya Allah s.w.t menggunakan partikel سَوْفَ yang menunjukkan adanya jarak masa bagi menggambarkan kelalaian.

Orang yang lalai seolah-olah merasakan mereka masih lagi mempunyai umur yang panjang sebelum menempuhi alam akhirat untuk dihisab. Jadi penggunaan partikel سَوْفَ yang menunjukkan kepada satu tempoh penanguhan amatlah menepati konteks ini. Seolah-olah mereka yang lalai ini diperingatkan, bahawa memang kamu beranggapan hukuman akan berlaku dalam masa yang masih jauh tetapi ia tetap akan berlaku walaupun masih jauh.

Pandangan kedua pula mengatakan pengulangan dalam ayat-ayat al-Qur'an boleh dilihat dalam dua dimensi iaitu, yang pertama berkaitan dengan agama dan yang kedua disebabkan oleh faktor keindahan bahasanya (الأدب).


Sebagai satu makhluk yang bersifat lupa secara semulajadinya, maka memerlukan dari Allah s.w.t untuk sentiasa mengingatkan mereka dari masa ke masa. Justeru, hikmah pengulangan dalam al-Qur'an ini dari sudut agama adalah untuk mengingatkan mereka. Dari perspektif retorik dan literal pula, keindahan ayat-ayat Allah begitu terserlah dengan pengulangan demi pengulangan dalam surah-surah al-

Qur'an itu. Ini kerana gaya bahasa al-Qur'an itu termasuk pengulangan itu sendiri turut menyumbang menjadikan al-Qur'an itu bersifat melemahkan (مُعْجَزٌ) manusia untuk menandingi ketinggian bahasanya.

Menurut 'Abd al-Mun'im (1980: 14), terdapat dua lagi faktor berlakunya pengulangan dalam al-Qur'an iaitu:

1. Untuk memberikan lebih penekanan (زِيَادَةُ التَّنْبِيهِ) agar diberikan lebih perhatian terhadap perkara yang diulang itu. Sebagai contohnya firman Allah dalam surah

Gha: fir ayat 38-39. Firman Allah:




Maksudnya: *“Dan berkatalah pula orang beriman itu: "Wahai kaumku! Turutlah (nasihatku), aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar" Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal”.*

Pengulangan perkataan يَا قَوْمِ sebanyak dua kali dalam ayat ke-38 dan 39 adalah bertujuan untuk memperjelaskan kepada mereka kepentingan beriman kepada Allah ('Abd al-Mun'im:1980).

Menurut al-Zamakhshariyy (1995: Jld 4: 163-164) ayat ini menceritakan tentang keimanan seorang dari pengikut Fir'aun yang telah mengajak kaumnya supaya beriman kepada Allah. Dalam ayat ini orang yang beriman itu berusaha memujuk kaumnya agar turut serta bersamanya memasuki hidayah Allah.

Tepat sekali apa yang dikemukakan oleh al-Zamakhshariyy pengulangan ayat *يَا قَوْمِ* bukan sekadar bertujuan menjelaskan kepentingan beriman kepada Allah s.w.t semata-mata. Sebenarnya pengulangan tersebut merupakan satu usaha menarik perhatian bagi melunakkan perasaan mereka. Teknik ini sangat penting untuk dikuasai dalam metodologi dakwah untuk memenangi perasaan masyarakat yang diseru itu.

2. Pengulangan rukun ayat juga boleh berlaku dalam bentuk frasa sesuatu ayat apabila ia diselangi oleh ayat sisipan yang terlalu panjang sehingga kelihatan terpisah dari komponen terasnya yang asas dalam ayat yang sama. Contohnya ialah firman Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat 119:



Maksudnya: “Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu terhadap orang-orang yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilan, kemudian mereka bertaubat sesudah itu serta memperbaiki amalannya, sesungguhnya Tuhanmu sesudah (mereka bertaubat) itu, adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Dalam ayat di atas, frasa **إِنَّ رَبَّكَ** adalah subjek yang dipisahkan daripada frasa predikat **لِلَّذِينَ عَمِلُوا السُّوءَ بِجَهَالَةٍ ثُمَّ تَابُوا مِنْ بَعْدِ (ذَلِكِ وَأَصْلَحُوا** oleh ayat sisipan yang panjang (**لَعَفُورٌ رَحِيمٌ**).

Menurut al-Qurtubiyy (1994: juz 9: 179) dalam, Ibn ‘Abba:s r.a menjelaskan bahawa Allah s.w.t memberi jaminan pengampunan terhadap dosa yang dilakukan, walaupun sebesar mana sekalipun, dengan syarat pelakunya bertaubat kepada Allah s.w.t.

Pada hemat penulis tafsiran Ibn ‘Abba:s ini sangat bertepatan dengan pengulangan frasa subjek **إِنَّ رَبَّكَ** tersebut kerana ia dapat menonjolkan penegasan bahawa Allah s.w.t dengan kasih sayangNya sangat pengampun terhadap hamba-hamba yang bertaubat.


Apabila kita meneliti struktur ayat di atas kita dapati ia telah menggunakan ayat namaan (اسمِيَّةٌ). Dari sudut konteksnya kita dapati kedudukan subjek dalam perspektif pengampunan perlu ditonjolkan. Kenyataan ini terserlah kebenarannya apabila frasa subjek itutelah diulang untuk kali yang kedua dengan merujuk pada predikat yang sama. Walaupun ahli-ahli Nahu dan Semantik Arab berpendapat kepentingan pengulangan frasa subjek tersebut untuk menghubungkan semula dengan predikatnya, tetapi pengulangan ini juga telah memberi impak yang jelas terhadap gambaran kasih dan sayang Allah terhadap hamba-hambaNya.

Pada hemat penulis walaupun ‘Abd al-Mun‘im, coba membawakan dua sebab penambahan yang terakhir, kedua-duanya itu sebenarnya tergolong dalam kategori ayat pengukuhan terhadap makna atau mesej yang hendak dikemukakan. Kenyataan beliau juga lebih bertumpu kepada pengulangan yang berlaku terhadap frasa.

Antara pandangan yang paling jelas dan menarik tentang gaya bahasa pengulangan adalah apa yang diutarakan oleh al-Mayda:niyy (1989: 307) menerusi kitab Qawa:‘id al-Tadabbur al-Amtha:l li Kita:b Alla:h. Menurutny terdapat lima faktor menyebabkan berlaku al-Takra:r dalam ayat-ayat Allah iaitu:

1. Al-Takra:r yang berlaku dalam ayat-ayat al-Qur’an mengambil kira kesinambungan peristiwa yang berlaku bertujuan membina nas yang saling kuat menguatkan maksud yang dibahaskan. Sebagai contohnya ialah penegasan isu konspirasi musuh-musuh Islam untuk memadamkan cahaya Islam dan jaminan Allah untuk melindungi Islam itu. Terdapat dua ayat yang menyentuh perkara ini secara langsung. Kedua-dua ayat yang kelihatan mempunyai persamaan dari sudut gaya bahasa itu adalah seperti berikut:

a) Firman Allah dalam surah al-Saff ayat 8-9:





Maksudnya: “Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), supaya Ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala ugama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya”.


Menurut al-Ansa:riyy (1987: 351) dalam, huruf La:m pada perkataan لِيُطْفِئُوا merupakan huruf tambahan untuk menguatkan terhadap objek yang telah digugurkan. Versi penuh ayat itu ialah:

يُرِيدُونَ إِبْطَالَ الْقُرْآنِ لِيُطْفِئُوا ...

Menurut al-Syawka:niyy (1992 : jld 5 : 252) dalam Fath al-Qadi:r , ayat-ayat dari surah al-Saff semuanya diturunkan oleh Allah s.w.t ketika pertengahan zaman Islam bertapak di Madinah. Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiyy dan al-Ha:kim menganggapnya sebagai sahih kerana menepati syarat al-Bukha:riyy dan Muslim.

b) Firman Allah dalam surah al-Tawbaṭ ayat 32-33:





Maksudnya: “Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala ugama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya”.

Sebelum kita membuat perbandingan terhadap kedua petikan ayat di atas, perlu dijelaskan bahawa ayat-ayat ke 32-33 dari surah al-Tawbat telah diturunkan pada penghujung hayat Nabi s.a.w. Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukha:riyy (t.t: 668) dalam kitab hadith Sahi:h al-Bukha:riyy bahawa ayat ini merupakan antara ayat yang terakhir diturunkan oleh Allah s.w.t yang melibatkan hukum.

Apabila kita mengkaji latar belakang ayat-ayat ini kita akan mendapati maksud kesemuanya bertumpu kepada konspirasi golongan musuh Islam untuk menghapuskan cahaya Islam yang mendapat tentangan Allah, kerana Allah s.w.t maha berkuasa mempertahankan agamaNya. Namun begitu apabila kita mengkaji lebih mendalam

berpandukan kepada waktu turunnya kita akan mendapati ayat-ayat ini membawakan mesej yang berbeza.

Pada zaman awal penubuhan kerajaan Islam di Madinah golongan musuh melakukan berbagai cara untuk menghapuskan Islam yang dibina oleh Nabi s.a.w. Perkara ini termasuklah mengadakan kerjasama sesama Arab dan Yahudi, menimbulkan permusuhan antara golongan al-Ansa:r dan al-Muha:jiri:n di samping perancangan-perancangan jahat yang lain.

Berdasarkan pengamatan penulis terdapat dua perbezaan ketara antara dua petikan ayat di atas iaitu ayat yang pertama menggunakan partikel Lam keterangan sebab pada perkataan dalam surah al-Saff dan penggunaan partikel relatif dalam surah al-Tawbat. Pemakaian partikel la:m tersebut memang bertepatan dengan zaman awal kehadiran Nabi s.a.w di Madinah yang menyaksikan timbulnya golongan munafik dan yahudi yang memusuhi Islam kerana merasa benci dan tertekan kepada pengaruh Islam yang semakin berkembang. Hasilnya mereka membuat perancangan untuk memadamkan cahaya Allah menerusi aktiviti-aktiviti mereka sebagaimana yang disampaikan oleh ayat itu.

Pemakaian partikel relatif AN juga bertepatan dengan suasana di akhir hayat Nabi s.a.w. Sejarah telah menunjukkan bahawa sesudah kewafatan Nabi s.a.w lahir ramai nabi palsu. Ini membenarkan maksud pemakaian partikel relatif AN dalam ayat di atas kerana mengikut tatabahasa Arab pemakaian gaya bahasa ini bermaksud menerangkan tentang sesuatu perbuatan yang hampir atau benar-benar berlaku **الدَّلَالَةُ**

عَلَى تَحْقُفِ الْوُقُوعِ. Jadi partikel relatif AN tersebut membuktikan bahawa usaha-usaha musuh-musuh Islam untuk memadamkan Islam memang benar-benar wujud.

Kemudian perbezaan yang kedua ialah pemakaian gaya bahasa nafi dan ithbat dalam ayat dari surah al-Tawbat. Bagaimanapun mesej ayat ini diolah secara bersahaja dalam ayat ke 8 surah al-Saff. Kedua ayat tersebut merupakan jawapan Allah s.w.t terhadap perancangan musuh-musuhNya, bahawa mereka tidak sekali-kali akan berjaya mengalahkan Islam kerana Allah akan menyempurnakan agamaNya.

Jadi kesimpulan yang dapat kita buat adalah penggunaan al-Nafy dan al-Ithbat merupakan satu pengulangan dalam bentuk yang lebih tegas kepada fakta yang sama yang dinyatakan dalam surah al-Saff sebelumnya.

Seterusnya jika kita meneliti bentuk kehadiran predikat dalam kedua-dua versi ayat tersebut ayat dari surah al-Saff menggunakan kata sifat iaitu مُتِّمٌ sedangkan dalam surah al-Tawbat pula ia diungkap melalui Kata Kerja kala kini يَتِمُّ atau akan datang.

Dalam konteks ini jika kita merujuk pada masa turun surah al-Saff (lebih awal) penggunaan Kata Sendi lebih sesuai berbanding Kata Kerja kerana Kata Sendi dalam konteks ayat tersebut boleh membawa unsur jaminan terhadap kelangsungan Islam sampai bila-bila. Ini berbeza dari penggunaan Kata Kerja dalam ayat dari surah al-Tawbat pula yang lebih sesuai dengan kedudukan Islam pada masa itu (akhir hayat

Nabi s.a.w) yang sudah hampir sempurna seperti yang ditegaskan dalam ayat ke-3 surah al-Ma:’idaṭ. Oleh itu penggunaan Kata Kerja dalam konteks ini adalah lebih hampir dengan proses kesempurnaan Islam pada akhir hayat Nabi s.a.w.

Ayat dari surah al-Tawbat ini diturunkan Allah selepas kejayaan Nabi menghapuskan pengaruh musuh di Utara Semenanjung Tanah Arab. Turunnya ayat ini mengukuhkan maksud yang dikemukakan dalam ayat dari surah al-Saff bahawa Allah s.w.t tidak akan membiarkan Islam dipermainkan oleh musuh-musuh.

2. Al-Takra:r juga berlaku bertujuan untuk penekanan terhadap sesuatu idea yang ingin diketengahkan tentang sesuatu tajuk dalam berbagai aspek sehinggalah nas-nas itu saling menyempurnakan antara satu dengan yang lain bagi memenuhi objektif pengukuhan fakta yang asal. Di samping itu ia juga bertujuan menyerlahkan elemen-elemen semantik yang merupakan salah satu ciri I’ja:z al-Qur’a:n.


Di samping itu dalam konteks ini pembaca akan mendapati beberapa ayat dalam al-Qur’an menyentuh perkara yang sama, tetapi setelah mendalami keseluruhan ayat dan latarbelakangnya pembaca akan mendapati ayat-ayat itu memberi fokus dari aspek yang berbeza. Objektif di sebalik perkara ini adalah untuk pengukuhan fakta terhadap sesuatu hakikat melibatkan urusan yang penting seperti suruhan untuk taat kepada Allah, larangan melakukan sesuatu maksiat dan sebagainya. Contohnya ialah firman Allah s.w.t menerusi dua ayat di bawah:

a) FirmanNya dalam surah al-A’ra:f ayat 189:



Maksudnya: “Dia lah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri)”.

b) FirmanNya dalam surah al-Zumar ayat 6:




Maksudnya: “Ia menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya - isterinya (Hawwa’)”.

Kedua ayat di atas kelihatan memberi fokus pada isu yang sama, tetapi apabila kita mendalami latar belakang kedua ayat ini kita akan mendapati terdapat perbezaan dari sudut objektif ayat. Ayat dari surah al-A‘ra:f adalah satu pernyataan yang bersifat umum tentang hakikat penciptaan manusia dan pasangan mereka dari jiwa yang satu. Manakala ayat dari surah al-Zumar pula diturunkan secara khusus untuk menceritakan proses kejadian manusia yang pertama iaitu A:dam a.s dan isterinya Hawwa:.. Buktinya ialah dalam ayat dari surah al-Zumar ini Allah s.w.t menggunakan adverba ^{تَرَاخِي} yang menunjukkan adanya jarak masa (التَّرَاخِي) .

3. Pengulangan ayat juga bertujuan menceritakan peristiwa-peristiwa yang berulang kali berlaku samada pada masa yang lampau ataupun pada masa yang akan datang. Sebagai contohnya penceritaan terhadap suruhan Allah kepada para malaikat untuk


sujud kepada A:dam a.s dalam ayat-ayat di bawah. Perintah yang telah berlaku pada masa yang lampau ini diulang di beberapa tempat dalam al-Qur'an seperti di bawah:

a) Surah Sa:d ayat 71-72.



Maksudnya: “Ingatkanlah peristiwa ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia-A:dam dari tanah”. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya”.

b) Surah al-Hijr ayat 28-29:



Maksudnya: “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.””Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya,


serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya”.

Arahan Allah s.w.t dalam kedua ayat ini sebenarnya merujuk kepada dua keadaan yang berbeza, dimana ayat 71-72 surah Sa:d berlaku buat pertama kali semasa Allah s.w.t mencipta Adam daripada gumpalan tanah (مِنْ طِينٍ), sedangkan dalam surah al-Hijr ayat 28-29 berlaku semasa Nabi A:dam a.s sudahpun dibentuk menjadi struktur manusia dari tanah liat yang kering kehitaman dan bertukar baunya (مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْتُونٍ).

Jelas sekali apabila kita memerhatikan penggunaan perkataan tanah liat dan tanah liat yang sudah dikeringkan seperti dalam ayat di atas yang merujuk kepada pemeringkatan proses kejadian A:dam a.s.


Contoh terhadap realiti masa hadapan yang akan berulang pula ialah firman Allah s.w.t menggambarkan rayuan hamba yang meminta agar dikembalikan semula ke dunia selepas kematian.

a) Surah al-Mu'minu:n ayat 99-100:



Maksudnya: “Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah ia: "Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia) - Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan”. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)”.

b) Surah al-Sajadat ayat 12:




Maksudnya: “Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya (akan segala yang kamiingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yakin”.

Peristiwa yang dirakamkan menerusi kedua-dua petikan ayat di atas adalah permohonan hamba-hamba Allah untuk kembali semula ke dunia dengan tujuan untuk memperbaiki amal ibadat. Bagaimanapun kajian yang mendalam terhadap kedua ayat akan menyerlahkan perbezaan antara keduanya. Dalam ayat dari surah al-Mu’minu:n

permohonan itu datang dari mulut mereka yang berada di ambang kematian (masih di dunia). Ini jelas diperhatikan dengan gaya bahasa yang bersifat longgar seperti yang terdapat pada perkataan لَعَلِّي. Ini berbeza dari gaya bahasa yang lebih tegas seperti yang diperhatikan dalam ayat ke-12 dari surah al-Sajadat, apabila Allah s.w.t menyebut dengan ujaran إِنَّا مُوقِنُونَ. Ungkapan yang terbit ini berlaku di alam akhirat apabila seseorang itu tela melihat dengan mata kepala dengan yakin balasan azab yang disediakan itu. Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan mereka sebelum itu أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا dan mereka sudah tiada pilihan lagi.

4. Al-Takra:r turut berlaku untuk memberi fokus kepada sesuatu aspek tertentu berdasarkan kepada kesesuaiannya yang ingin dibincangkan. Ini disebabkan wacana tersebut mengandungi banyak objektif untuk diserlahkan menerusi keadaan yang berbeza-beza. Penceritaan tentang Nabi Mu:sa: a.s merupakan contoh pengulangan yang kerap berlaku dalam kisah-kisah al-Qur'an. Kisah-kisah penyampaian dakwahnya kepada Fir'aun yang dibawakan dalam al-Qur'an berbeza dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Sebagai contohnya ialah:

a) Surah al-A'raf ayat 103:



Maksudnya: “Kemudian Kami mengutuskan Nabi Musa selepas Rasul-rasul itu, dengan membawa ayat-ayat Kami kepada Fira’un dan Ketua-ketua kaumnya, lalu mereka berlaku zalim (ingkar) akan ayat-ayat itu. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Menurut al-Syanqi:tiyy (1996: jld 2: 246) dalam Tafsir Adwa:’ al-Baya:n, ayat ini menjelaskan bahawa Fir’aun dan pengikut-pengikutnya tetap engkar terhadap seruan Nabi Mu:sa: a.s walaupun mereka meyakini bahawa Nabi Mu:sa: a.s memang sebenarnya seorang utusan Allah s.w.t.

Ayat ini dibawakan sebagai pengajaran kepada Nabi Muhammad s.a.w dan umatnya tentang sikap manusia yang akan menentang seruan tauhid kerana bimbangkan terjejas kepentingan diri. Perkara yang sama telah berlaku terhadap seruan Nabi Mu:sa: a.s akan berulang semula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.

b) Surah al-A’raf ayat 104:




Maksudnya: “Dan berkatalah Nabi Mu:sa: “Hai Fir’aun! Sesungguhnya aku ini adalah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam”.

Ayat ini menceritakan tentang lanjutan dari dialog antara Nabi Mu:sa: a.s dengan Fir’aun. Walaupun dianggap sebagai pendusta tetapi Nabi Mu:sa: a.s tidak berputus asa menjalankan tanggungjawab dari Allah s.w.t. Baginda dengan keyakinan yang tinggi menjelaskan tentang penguasaan Allah s.w.t. Di sebalik kenyataan itu,

baginda ingin menafikan kekuasaan Fir'aun yang mendakwa menjadi tuhan kepada sekalian alam dengan engutuskan Nabi Mu:sa: a.s kepada maharaja Fir'aun.

c) Surah Yu:nus ayat 90:



Maksudnya: “Dan Kami bawakan Bani Isra’il ke seberang Laut Merah, lalu dikejar oleh Fira’un dan tenteranya, dengan tujuan melakukan kezaliman dan pencerobohan, sehingga apabila Fira’un hampir tenggelam berkatalah ia (pada saat yang genting itu): “Aku percaya, bahawa tiada Tuhan melainkan yang dipercayai oleh Bani Isra’il, dan aku adalah dari orang-orang yang berserah diri (menurut perintah)”.

Dalam ayat ini, Allah s.w.t masih lagi membawakan tentang kisah Nabi Mu:sa: a.s dengan Fir'aun. Tetapi dalam episod ini Allah s.w.t menggambarkan tentang kesudahan kerja penentangan Fir'aun berakhir dengan balasan Allah s.w.t dengan ditenggelamkan di dalam laut. Ia merupakan satu sunnah Allah dalam kehidupan bahawa dunia ini akan diwarisi oleh umat Islam. Ia merupakan satu motivasi daripada Allah buat Nabi Muhammad s.a.w dan umatnya agar berfikiran positif dalam

memperjuangkan Islam kerana Allah s.w.t pasti mengurniakan kemenangan buat mereka.

d) Surah Ibra:hi:m ayat 6:



Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: Kenanglah nikmat Allah kepada kamu, semasa Ia menyelamatkan kamu dari Fir’aun dan orang-orangnya yang sentiasa menyeksa kamu dengan berbagai seksa yang buruk dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; dan kejadian yang demikian itu mengandungi bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu”.

Ayat dari surah Ibra:hi:m ini pula kepentingan ingat Allah dan segala nikmatNya yang dikurniakan sebelum itu iaitulah diselamatkan dari tangkapan dan penganiyaan Fir’aun.

Menurut al-Sa:wiyy (1995: jld 3: 224) dalam, Fir’aun menetapkan peraturan membiarkan anak perempuan hidup untuk berkhidmat dan membunuh anak-anak lelaki kerana ramalan ahli nujum tentang masa depan negara yang terancam. Perkara ini

menjadi ujian dalam kehidupan kerana segala kebaikan dan kesusahan menjadi kayu ukur kepada kesabaran dan kesyukuran mereka.

Pada hemat penulis jelas kepada kita apabila membaca ayat-ayat ini dengan penghayatan bahawa setiap kisah yang kelihatan berulang dalam al-Qur'an pada realitinya menyentuh dari aspek yang berlainan.

Menerusi perbincangan dalam ayat-ayat di atas kisah dari surah al-A'raf bertujuan mendedahkan kepada Nabi Muhammad dan umat baginda tradisi menolak kebenaran adalah tabiat golongan-golongan musuh. Ayat ke-104 dari surah al-A'raf pula menggambarkan kepentingan memiliki keyakinan bahawa baginda berada di pihak yang benar menyebabkan baginda tidak teragak-agak mengatakan Allah merupakan Tuhan sekalian alam, bukannya Fir'aun. Ayat ke-90 dari surah Yu:nus pula menceritakan tipudaya Fir'aun akhirnya menghancurkan dirinya sendiri menyebabkan dia tenggelam dalam lautan. Dalam surah Ibra:hi:m ayat ke-6 Allah s.w.t masih membawakan kisah Nabi Mu:sa: a.s, tetapi pada kali ini keadaan Nabi Mu:sa: a.s sudah menjadi lebih stabil apabila angkara Fir'aun sudah pun tamat dengan tenggelamnya beliau di dalam lautan.

5. Al-Takra:r juga berlaku kerana ia merupakan satu keperluan dalam tradisi pendidikan, bandingannya sama seperti proses rawatan yang memerlukan kepada kesinambungan dan susulan. Perkara ini jelas dilihat dalam ayat-ayat yang menceritakan tentang keimanan kepada Allah, kepentingan taqwa pada setiap masa, galakan (al-Targhi:b) dan amaran (al-Tarhi:b) supaya memperkuat diri seseorang muslim itu.

Muhammad Qutb (1983 : 247) berkata dalam kitab *Dira:sat Qur'a:niyyat*:

أَكْثَرُ الْمَوْضُوعَاتِ تَكَرَّراً وَتَنْوُعاً فِي ذَاتِ الْوَقْتِ هِيَ مَوْضُوعَاتُ الْعَقِيدَةِ بِمُقَرَّدَاتِهَا السَّنَّةِ :
 : الإِيمَانُ بِاللَّهِ ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، وَالْمَلَائِكَةِ ، وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ ،
 وَقِصَصِ الْأَنْبِيَاءِ ، وَقِصَّةِ آدَمَ وَالشَّيْطَانِ، وَأَخْلَاقِيَّاتِ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “*Topik-topik yang paling banyak pengulangan dan kepelbagaian dalam satu waktu ialah topik-topik aqidah keseluruhannya iaitulah: keimanan kepada Allah, hari akhirat, para malaikat dan kitab-kitab serta para nabi dan qadar baik dan buruknya dan kisah-kisah para nabi dan kisah Adam dan syaitan dan akhlak-akhlak keimanan*”.

Selain itu ayat-ayat yang menggambarkan nikmat syurga juga merupakan satu al-Takra:r yang kerap berlaku bertujuan untuk menjadi suatu perangsang dan pemberi semangat untuk beribadah kepada Allah. Sebagai contohnya ialah firman Allah s.w.t menerusi ayat-ayat di bawah:


a) Ayat 23 surah al-Hajj:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُدْخِلَنَّهُمْ فِي الصُّرَاتِ الْمَقَامَاتِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam Syurga yang mengalir padanya*


beberapa sungai; mereka dihiaskan di situ dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka di situ dari sutera”.

b) Ayat 56 dari surah yang sama, Allah s.w.t berfirman:



Maksudnya: “Kuasa pemerintahan pada hari kiamat itu tertentu bagi Allah. Ia akan menghukum di antara mereka. Maka orang-orang yang beriman dan beramal soleh ditempatkan di dalam Syurga yang penuh dengan segala nikmat dan kesenangan”.

c) Ayat ke 8 surah Luqma:n, Allah s.w.t berfirman:



Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh Syurga yang penuh dengan berbagai nikmat”,

Menurut al-Sa:wiyy (1995: jld 4: 137) dalam Ha:siyat al-Sa:wiyy, tujuan Allah s.w.t membawakan gambaran perhiasan seperti gelang emas dan kain sutera dalam ayat ke-23 dari surah al-Hajj adalah disebabkan ayat-ayat yang sebelumnya menceritakan tentang keengkaran golongan Yahudi dan Kristian untuk mengikuti syari’at Nabi Muhammad s.a.w kerana bimbangkan kekayaan yang mereka nikmati akan terjejas.

Ayat ke-56 dari surah al-Hajj pula diturunkan Allah s.w.t khas buat para sahabat yang terlibat dalam peperangan Badar. Ini berpandukan kepada apa yang


dijelaskan oleh al-Qurtubiyy (1994: juz 12: 82) dalam tafsir al-Ja:mi‘ li Ahka:m al-Qur’a:n. Perkara ini juga berpandukan kepada hadith Nabi kepada ‘Umar r.a yang diriwayatkan oleh al-Bukha:riyy (t.t: 599) dalam Sahi:h al-Bukha:riyy, bermaksud: *“Wahai para sahabat yang terlibat dalam peperangan Badar, lakukan apa sahaja yang kamu kehendaki kerana Allah telah mengampunkan kamu”*.

Jadi berdasarkan keterangan dari sumber-sumber di atas kita dapat membuat kesimpulan bahawa janji syurga dan segala nikmatnya itu merupakan kurniaan kepada berbagai kategori manusia mengikut kelayakan masing-masing. Walaupun ia kelihatan sama tetapi sebenarnya dikurniakan mengikut kelayakan masing-masing.

6. Selain dari faktor-faktor di atas, al-Takra:r juga berlaku bertujuan untuk menyerlahkan unsur-unsur semantik yang terdapat di dalam teks al-Qur’an. Perkara ini tidak akan dicapai melainkan dengan berlakunya pengulangan nas itu di berbagai tempat mengikut keadaan. Setiap kali nas itu diulang sebut akan menyebabkan satu aspek makna terserlah. Di sinilah terbukti ciri al-I’ja:z secara holistik.

Sebagai contohnya ialah Allah s.w.t menggambarkan hal keadaan orang yang ingkar terhadapNya mengikut gambaran-gambaran di bawah:


- a) FirmanNya tentang orang yang ingkar iaitulah sengaja melakukan perbuatan syirik dalam surah al-Hajj ayat 31:





Maksudnya: “... dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)”.

b) Firman Allah s.w.t tentang orang yang ingkar dan mendustakan ayat-ayat Allah dan takabbur terhadap perintah Allah, bahawa mereka tidak akan dapat memasuki syurgaNya. Firman Allah dalam ayat ke 40 surah al-A‘ra:f:



Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat (perintah) Kami dan yang angkuh (merasa dirinya lebih) daripada mematuhiNya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk Syurga sehingga unta masuk di lubang jarum dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan.

Pengulangan yang dapat dilihat pada kedua-dua ayat di atas ialah pada sudut penggunaan gaya bahasa perumpamaan terhadap mereka yang ingkar dan melakukan perbuatan syirik kepada Allah s.w.t. Dalam ayat 31 dari surah al-Hajj di atas, mereka yang melakukan perbuatan itu diumpamakan seperti orang yang terjatuh dari langit dalam keadaan seperti makanan yang disambar oleh seekor burung ataupun ditiup oleh

angin kencang ke satu arah yang jauh. Perbandingan ini bermaksud adalah bermaksud menjelaskan keadaan manusia yang sudah kehilangan arah dan terumbang ambing sebagai natijah terhadap sikap tidak berimannya itu.

Manakala dalam ayat ke-40 surah al-A'raf pula, orang yang melakukan perbuatan syirik diumpamakan seperti unta yang cuba memasuki lubang jarum untuk mendapatkan sesuatu. Ia menggambarkan kegagalan dalam kehidupannya seperti yang ditegaskan dalam ayat sebelumnya itu apabila Allah s.w.t tidak membuka pintu-pintu langit (terhalang dari mendapat hidayah) dan mereka dihalang dari memasuki syurga. Jadi unsur pengulangan yang dapat dilihat dalam perbincangan menerusi kedua petikan ayat di atas ialah pengulangan perumpamaan untuk menjelaskan akibat buruk kepada mereka yang tidak beriman kepada Allah s.w.t.

Semua bahasa di dunia menerima perumpamaan sebagai gaya bahasa dalam komunikasi. Jelas kepada kita bahawa gaya bahasa seperti ini selalunya dipakai pada tempat-tempat yang memerlukan penegasan terhadap mesej yang ingin disampaikan dan terbukti dalam penggunaan menerusi kedua-dua ayat di atas bahawa gambaran dahsyatnya kedudukan perbuatan kufur kepada Allah menyebabkan pembaca akan menjauhinya agar terselamat dari kesudahannya yang mengerikan itu.

Berdasarkan fakta-fakta yang dibincangkan di atas, jelaslah kepada kita pendekatan-pendekatan yang perlu diambil kira oleh setiap golongan yang ingin mengkaji ayat-ayat Allah s.w.t secara amnya dan golongan yang mentafsirkannya agar menguasai faktor-faktor di atas bagi mengelakkan kesilapan tafsirannya.

Di sinilah letaknya keperluan untuk melakukan kajian terhadap metodologi ayat-ayat al-Qur'a:n dari jendela objektif-objektif al-Qur'a:n dan I'ja:z al-Qur'a:n.

3.4 Perbezaan Antara al-Takra:r Dengan al-Tawki:d al-Lafziyy

Terlebih dahulu al-Tawki:d al-Lafziyy merupakan pengulangan sesuatu perkataan ataupun perkataan yang sinonim dengannya melibatkan Kata Nama, Kata Kerja ataupun ayat. Di dalam Awdah al-Masa:lik al-Tawki:d al-Lafziyy ialah sesuatu lafaz yang diulang dua kali dalam ayat yang sama (al-Misriyy:1989). Contohnya ialah kata penyair:

فَإِيَّاكَ إِيَّاكَ الْمِرَاءَ فَإِنَّهُ * إِلَى الشَّرِّ دَعَاءٌ وَ لِلشَّرِّ جَالِبٌ

Maksudnya: *Maka awasilah dirimu, awasilah dirimu dari berdebat (dalam keadaan menghina dan memperlekehkan orang), maka sikap itu kepada kejahatan menjuruskan kamu dan kepada kejahatan ia sentiasa menggoda kamu.*

Dalam puisi di atas perkataan ِإِيَّاكَ yang ke dua merupakan satu al-Tawki:d al-Lafziyy kepada إِيَّاكَ yang pertama. Pengulangan ini bertujuan memberi peringatan supaya menjauhi tabiat berdebat untuk menonjolkan kelebihan diri sendiri dan merendah-rendahkan orang lain kerana ia akan menjerumuskan seseorang kepada permusuhan.

Menurut al-Ghala:yi:niy (1993 : juz 3 : 18-19):

التَّوَكُّيدُ اللَّفْظِيُّ يَكُونُ بِإِعَادَةِ الْمُؤَكَّدِ بِلَفْظِهِ ، أَوْ بِلَفْظٍ يُرَادِفُهُ ، سِوَاءَ كَانَ اسْمًا ظَاهِرًا ،
 أَمْ ضَمِيرًا ، أَمْ فِعْلًا ، أَمْ حَرْفًا ، أَمْ جُمْلَةً . فَالاسْمُ الظَّاهِرُ ، نَحْوُ : هَذَا الْهِلَالُ
 الْهِلَالُ . وَالْمُضْمَرُ نَحْوُ : جِئْتَ أَنْتَ . وَالْفِعْلُ ، نَحْوُ : جَاءَ جَاءَ زُهَيْرٌ . وَالْحَرْفُ نَحْوُ : لَا
 ، لَا ، أَبُوحُ بِالسَّرِّ .
 وَالْجُمْلَةُ نَحْوُ : جَاءَ عَلِيٌّ ، جَاءَ عَلِيٌّ . وَالْمُرَادِفُ نَحْوُ : أَتَى ، جَاءَ سَعِيدٌ .

Maksudnya: *al-Tawki:d al-Lafziyy* berlaku dengan mengulangi sesuatu yang ditegaskan dengan menggunakan lafaz yang menyamainya samada Kata Nama yang zahir ataupun Ganti Nama ataupun Kata Kerja ataupun huruf ataupun frasa.

Pengulangan Kata Nama yang zahir contohnya : Ini anak bulan, anak bulan.

Pengulangan Ganti Nama contohnya :Awak telah datang, awak.

Pengulangan Kata Kerja contohnya: Telah datang, telah datang Zuhayr.

Pengulangan ayat contohnya: Ali telah datang, Ali telah datang.

Pengulangan perkara yang sinonim iaitu: telah tiba, datang Said.

Dalam contoh-contoh di atas, Kata Penegas berperanan memberikan satu penegasan terhadap responden.

Tujuan penegasan seperti dalam contoh-contoh di atas adalah untuk mengelakkan sebarang keraguan atau andaian yang disangka atau dianggap ada pada pendengar. Ringkasnya ia merupakan pengulangan yang dilakukan kerana sesuatu kelemahan dalam komunikasi dan bukannya kerana tujuan-tujuan pengulangan seperti yang berlaku dalam al-Qur'an.

Menurut ‘Abd al-Mun‘im (1980:18), contoh yang lain pula dapat diperhatikan menerusi bacaan dalam iqamat *قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ ، قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ* yang bermaksud: “*telah sampai waktu mendirikan solat , telah sampai waktu mendirikan solat*”. Tujuan diulang ayat tersebut sebanyak dua kali adalah untuk memberi penegasan tentang keperluan untuk bersedia kerana solat akan didirikan dalam jangka masa waktu yang paling hampir.

Walaupun begitu penulis berpendapat pengulangan dalam lafaz *iqamat* ini berbeza dari contoh-contoh penegasan yang dikemukakan oleh Mustafa: al-Ghala:yi:niyy di atas kerana ia dapat memenuhi kehendak konteks pengulangan tersebut yang bertujuan menunjukkan kebesaran solat yang perlu ditunaikan apabila sampai waktunya.

Perbezaan-perbezaan *al-Takra:r* dan *al-Tawki:d al-Lafziyy* yang dapat dikenalpasti adalah:

1. *Al-Takra:r* mempunyai kesan yang langsung terhadap unsur-unsur makna berbanding *al-Tawki:d al-Lafziyy* yang merupakan satu bab dalam perbincangan ilmu Nahu dimana objektifnya ialah menghilangkan keraguan dalam sesuatu komunikasi dan memperkuat mesej sahaja. Menurut Yahya: bin Hamzat (1982 : jld2 : 176), beliau menegaskan:

فَاعْلَمْ أَنَّ التَّكْيِدَ تَمَكِينُ الشَّيْءِ فِي النَّفْسِ وَ تَقْوِيَةُ أَمْرِهِ ، وَفَائِدَتُهُ إِزَالَةُ الشُّكُوكِ وَإِمَاطَةُ الشُّبُهَاتِ
عَمَّا أَنْتَ بِصَدَدِهِ ، وَهُوَ كَثِيرُ الْفَوَائِدِ ، وَلَهُ بِجُرَيَّانِ :

الْمَجْرَى الْأَوَّلُ : عَامٌّ وَهُوَ يَتَعَلَّقُ بِالْمَعَانِي الْإِعْرَابِيَّةِ ، وَيَنْقَسِمُ إِلَى لَفْظِيٍّ وَ مَعْنَوِيٍّ ، وَلَيْسَ مِنْ
هَمَّتَا إِيرَادُهُ هَهُنَا لِأَمْرَيْنِ ، أَمَّا أَوَّلًا فَلَا نَحْرَافَ مَا يَتَعَلَّقُ بِمَقَاصِدِ الْبَلَاغَةِ ، وَمَا نَحْنُ فِيهِ إِئْمَا هُوَ كَلَامٌ
فِي مَقَاصِدِ الْبَلَاغَةِ . وَ أَمَّا ثَانِيًا فَلَأَنَّ كِتَابَنَا إِئْمَا يَخُوضُ فِيهِ مِنْ لَهُ ذَوْقٌ فِي عِلْمِ الْعَرَبِيَّةِ .

الْمَجْرَى الثَّانِي : خَاصٌّ يَتَعَلَّقُ بِعُلُومِ الْبَلَاغَةِ ، وَيُقَالُ لَهُ التَّكْرَارُ أَيْضًا ، وَلَيْسَ يَخْفَى مَوْقِعُهُ
الْبَلِيغُ وَلَا عُلُوُّ مَكَانِهِ الرَّفِيعُ ، وَكَمْ مِنْ كَلَامٍ هُوَ عَنِ التَّحْقِيقِ طَرِيدٌ ، حَتَّى يُخَالِطُهُ صَفْوُ التَّكْرَارِ .


Apa yang dapat kita fahami dari wacana di atas, Yahya: bin Hamzat (1982 :
jld2: 176) telah membuat satu perbandingan antara al-Tawki:d al-Lafziyy dan al-
Takra:r. Kepentingan mengambil pendekatan al-Takra:r membantu mempertingkatkan
kualiti klausa dari aspek penonjolan elemen-elemen semantik.

Hal ini berbeza dari al-Tawki:d al-Lafziyy yang hanya dibataskan kepada
pengulangan perkataan atau ayat untuk pengukuhan makna semata-mata.

1. Pengulangan yang berlaku dalam al-Tawki:d al-Lafziyy membenarkan
pengulangan perkataan sinonim seperti contoh yang terakhir iaitu جاء سَعِيدٌ ، أَتَى. Dalam
contoh itu perkataan أَتَى bererti telah sampai manakala perkataan جاء membawa erti
telah tiba. Dalam al-Tawki:d al-Lafziyy pengulangan perkataan sinonim seperti dalam

contoh adalah dibenarkan. Perkara ini berbeza dalam pendekatan al-Takra:r yang termasuk sebagai satu kaedah menghuraikan ayat. Dalam pendekatan al-Takra:r pengulangan hanya melibatkan perkataan yang sama dan bukannya seerti.

2. Melihat contoh-contoh yang diberikan oleh Musta:fa Ghala:yi:niyy di atas jelas kepada kita bahawa al-Tawki:d al-Lafziyy tidak boleh dipisahkan oleh sesuatu partikel dari apa yang ditegaskan (al-mu'akkad). Pengulangan menerusi pendekatan al-Takra:r pula boleh dipisahkan oleh sesuatu partikel. Sebagai contohnya ialah pendekatan al-Takra:r yang disebut Allah dalam surah al-Infita:r ayat 17-18:



Maksudnya: “Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari pembalasan itu? kemudian, apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari pembalasan itu?”.

Dalam ayat ini Allah s.w.t memisahkan antara ayat ke 17 dan 18 dengan zarf skala masa فَإِنَّمَا yang bermakna kemudian. Menurut al-Zamakhshariyy (1995 : jld 4:

702) ayat ini mengambil pendekatan al-Takra:r iaitu mengulangi $\text{مَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الدِّينِ}$ sebanyak dua kali bertujuan untuk menambahkan rasa takut dan gentar dalam hati manusia supaya dipandang serius.

Menerusi perbahasan di atas, kesimpulan yang dapat kita lakukan ialah pendekatan al-Takra:r merupakan satu pendekatan berkomunikasi dalam kajian semantik Arab berkaitan ilmu al-Ma'a:ni:. Ianya adalah berbeza dari perbahasan ilmu Nahu Arab dalam topik al-Tawki:d al-Lafzi:yy. Penulis sangat bersetuju dengan kenyataan al-Zarkasyiyy (1978 : jld 3 : 11) yang mengatakan:

وَاعْلَمْ أَنَّ التَّكْرِيرَ أَبْلَغُ مِنَ التَّوْكِيدِ لِأَنَّهُ وَقَعَ فِي تَكَرَّرِ التَّأْسِيسِ وَهُوَ أَبْلَغُ مِنَ التَّأْكِيدِ . فَإِنَّ التَّوْكِيدَ يُقَرَّرُ إِرَادَهُ مَعْنَى الْأَوَّلِ وَعَدَمَ التَّجَوُّزِ .

3.5 Pengulangan Sebagai Suatu I'ja:z (الإِعْجَازُ)

Al-Qur'an telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai mukjizat untuk menjadi sumber hidayah kepada sekalian manusia agar diimani, difahami dan dihayati serta diamalkan. Sebagai cara hidup yang diredhai Allah untuk diikuti dan diamalkan maka sewajarnya kitab panduan teras yang kita anuti ini memiliki kehebatan atau kelebihan yang mengatasi kemampuan manusia. Antara keunggulan atau kelebihan al-Qur'an yang menjadikan orang-orang Arab gagal menandinginya ialah aspek-aspek al-I'ja:z yang dimilikinya.

Dalam bahagian ini penulis akan membincangkan tentang definisi al-I'ja:z, pandangan sarjana bahasa Arab tentang al-I'ja:z, bahagian-bahagian al-I'ja:z dan kedudukan pengulangan sebagai salah satu unsur al-I'ja:z.

3.5.1 Definisi I'ja:z (الإِعْجَازُ)

Menurut Ibn Manzu:r (1993: jld 2: 139) dalam kamus Lisa:n al-Lisa:n al-I'ja:z diterbitkan dari Kata Kerja عَجَزَ yang bermaksud telah menjadi lemah manakala perkataan al-I'ja:z bermakna meluputkan kemampuan (al-Tafwi:t) atau mengatasi (al-Sabq).

Menerusi definisi Ibn Manzu:r di atas kedua perkataan عَجَزَ dan الإِعْجَازُ kita boleh membuat kesimpulan bahawa al-I'ja:z merujuk kepada ketidakmampuan atau ketidakupayaan untuk melakukan sesuatu.

Al-Raghi:b al-Asfaha:niyy (1997: 547) dalam Mufrada:t al-Qur'an berkata:

عَجَزُ الْإِنْسَانِ : مُؤَخَّرُهُ ، وَالْعَجْزُ أَصْلُهُ التَّأَخُّرُ فِي الشَّيْءِ ، وَحُصُولُهُ عِنْدَ عَجْزِ الْأَمْرِ .
وَصَارَ فِي التَّعَاوُفِ اسْمًا لِلْمُضَوَّرِ عَنْ فِعْلِ الشَّيْءِ ، وَهُوَ ضِدُّ الْقُدْرَةِ . قَالَ تَعَالَى :
﴿ عَجَزْتُ لِمَا كُنْتُ آتِيًّا بِهِ ، وَلَئِن يَرَوْهُ كَلْبٌ مُّسْتَبِرٌّ سَوَّىٰ بَيْنَهُمَا ﴾

Maksudnya: “عَجَزُ الْإِنْسَانِ” bermakna bahagian hujungnya. عَجَزُ

berasal dari terlambat dari sesuatu, dan berlakunya ketika di akhir iaitu di penghujungnya. Jadi perkataan ini dalam penggunaannya sebagai Kata Nama untuk menggambarkan ketidak mampuan dalam melakukan sesuatu perkara dan ia adalah perkataan lawan kepada berkuasa. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Ma:’idaṭ ayat 31 yang bermaksud: “Apakah aku lemah untuk bertindak seperti gagak...”

Menerusi definisi al-Raghi:b ini jelas beliau menyebutkan konteks gunaannya perkataan sebagai suatu Kata Nama yang merujuk kepada ketidak upayaannya dalam melakukan sesuatu perkara dan menegaskannya sebagai lawan kepada perkataan kudrat atau berkemampuan.

Di sini kita perlu tegaskan bahawa al-Raghi:b telah menyebut secara jelas dua bentuk makna yang terdapat pada perkataan عَجْزٌ, pertama makna literal yang bermaksud kelemahan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tetapi akhirnya dia masih berpeluang untuk menyelesaikannya. Makna kedua pula ialah merujuk kepada konteks gunaannya yang biasa dipakai oleh masyarakat penutur ketika merujuk kepada ketidakmampuan mutlak dalam melakukan sesuatu perkara. Jadi dalam konteks perbincangan kita makna kedua sesuai untuk maksud I'ja:z.

Makna yang kedua ini dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi pertanyaan Nabi s.a.w. kepada sebahagian dari para sahabat dalam sebuah hadith iaitu: hadith riwayat Ahmad:

أَيَعَجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَكْسِبَ فِي الْيَوْمِ أَلْفَ حَسَنَةٍ؟ قَالُوا وَمَنْ يُطِيقُ ذَلِكَ، قَالَ:
يُسَبِّحُ مِائَةَ تَسْبِيحَةٍ، فَيُكْتَبُ لَهُ أَلْفُ حَسَنَةٍ وَتُحْطَى عَنْهُ أَلْفُ سَيِّئَةٍ

Maksudnya: “Adakah seseorang dari kamu merasa lemah untuk memperolehi seribu kebaikan dalam sehari suntuk? Mereka berkata: “Siapalah yang mampu melakukannya (wahai Nabi), lalu baginda mengatakan: “Dia bertasbih seratus kali, lalu dituliskan baginya seribu kebaikan dan dihapuskan darinya seribu kejahatan”.

Dalam dialog ringkas ini jelas kepada kita bahawa terdapat segolongan sahabat yang beranggapan bahawa mereka tidak mampu sama sekali untuk melakukannya. Buktinya ialah apabila mereka bertanya kembali kepada baginda, siapakah yang mampu mendapatkan kebaikan itu.

Dengan ini dapatlah kita tegaskan bahawa makna inilah yang menepati pengertian istilah I'ja:z al-Qur'a:n. Fakta ini juga telah disokong menerusi penjelasan oleh al-Zarqa:niyy (1995: juz 2: 573) seperti yang diterangkan oleh beliau:

إِعْجَازُ الْقُرْآنِ : مُرَكَّبٌ إِضَافِيٌّ ، مَعْنَاهُ بِحَسَبِ أَصْلِ اللَّغَةِ : إِثْبَاتُ الْقُرْآنِ عَجَزَ الْخَلْقِ
عَنِ الْإِثْيَانِ بِمَا تَخَدَّاهُمْ بِهِ . فَهُوَ مِنْ إِضَافَةِ الْمَصْدَرِ لِفَاعِلِهِ ، وَمَا تَعَلَّقَ بِالْفِعْلِ مَخْدُوفٌ
لِلْعِلْمِ بِهِ . وَالتَّفْهِيمُ إِعْجَازُ الْقُرْآنِ خَلَقَ اللَّهُ عَنِ الْإِثْيَانِ بِمَا تَخَدَّاهُمْ بِهِ .

Maksudnya: *“Istilah I'ja:z al-Qur'a:n adalah merupakan satu rangkaian kata mengikut makna asal bahasanya bermaksud pembuktian al-Qur'an terhadap kelemahan makhluk untuk mencipta apa yang telah al-Qur'an mencabar mereka untuk berbuat demikian. Mengikut sistem nahu Arab rangkaian kata tersebut merupakan kombinasi sesuatu Kata Dasar dengan pembuatnya, manakala objek kepada makna Kata Dasar tersebut (الْخَلْقُ) telahpun digugurkan kerana sudah dimaklumi. Makna penuh rangkaian kata ini ialah proses al-Qur'an dalam melemahkan makhluk Allah untuk mencipta apa yang telah ia cabar mereka untuk melakukannya”.*

Kesimpulan dari perbincangan di atas, jelas kepada kita bahawa al-I'ja:z adalah proses yang merujuk kepada penzahiran elemen-elemen tertentu al-Qur'an yang menjadikan manusia tidak mampu menandinginya. Apabila fungsi mukjizat itu untuk membuktikan ketidakmampuan manusia mencontohi gaya bahasa al-Qur'an, maka manusia akan mengetahui keistimewaannya sebagai kitab Allah, bukannya rekaan manusia. Mereka akan meyakini dengan sebenar-benarnya bahawa al-Qur'an itu adalah wahyu yang diturunkan kepada nabiNya Muhammad s.a.w.

3.5.2 Pandangan Para Sarjana Islam Tentang I'ja:z al-Qur'a:n

Para sarjana Islam dalam bidang bahasa Arab dan tafsir al-Qur'an bersepakat mengatakan gaya bahasa al-Qur'an bersifat melemahkan manusia untuk menandinginya.

'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy (1998: 44) pengasas kepada teori al-Nazm dalam ilmu semantik Arab menjelaskan dalam kitab Dala:'il al-I'ja:z:

أَعَجَزَتْهُمْ مَزَايَا ظَهَرَتْ لَهُمْ فِي نَظْمِهِ ، وَخَصَائِصُ صَادَفُوهَا فِي سِيَاقِ لَفْظِهِ ، وَبَدَائِعُ رَاعَتْهُمْ مِنْ مَبَادِيءِ آيَةٍ وَمَقَاطِعِهَا ، وَجَارِي أَلْفَاطِهَا وَمَوَاقِعِهَا . وَفِي مَضْرَبِ كُلِّ مَثَلٍ ، وَمَسَاقِ كُلِّ خَبَرٍ ، وَصُورَةِ كُلِّ عِظَةِ تَنْبِيئِهِ وَإِعْلَامٍ . وَتَدَكِيرٍ وَتَرْغِيبٍ وَتَرْهِيْبٍ . وَمَعَ كُلِّ حُجَّةٍ وَبُرْهَانٍ ، وَصِفَّةٍ وَتَبْيَانٍ . وَبَهْرِهِمْ أَنَّهُمْ تَأْمَلُوهُ سُورَةً سُورَةً ، وَعَشْرًا عَشْرًا ، وَآيَةً آيَةً ، فَلَمْ يَجِدُوا فِي الْجَمِيعِ كَلِمَةً يَنْبُو بِهَا مَكَانَهَا ، وَلَفْظَةً يُنَكِّرُ شَأْنُهَا أَوْ يَرَى أَنَّ غَيْرَهَا أَصْلَحُ هُنَاكَ أَوْ أَشْبَهَ ، أَوْ أُخْرَى وَ أَخْلَقَ ، بَلْ وَجَدُوا اتِّسَاقًا بَهْرَ الْعُمُولِ ، وَأَعَجَزَ الْجُمْهُورَ .

Maksudnya: “Ciri-ciri yang terdapat dalam system susunan ayatnya,keistimewaan-keistimewaan yang mereka temui pada gaya

olahan perkataannya, keindahan-keindahan yang dapat mereka perhatikan pada permulaan-permulaan ayat dan keratan-keratannya dan kesinambungan-kesinambungan lafaznya dan kedudukannya, semua itu telah melemahkan mereka. Begitu juga dengan cara mengungkap setiap perumpamaan untuk mengisah setiap cerita dan membuat gambaran setiap peringatan. Semua itu merupakan peringatan dan pemberitahuan serta juga sebagai dorongan dan ugutan. Setiap aspek tersebut mempunyai hujah dan dalil serta perincian dan penjelasan. Ia pasti mengagumkan mereka apabila mereka menelitinya dari surah ke surah atau sepuluh ayat ke sepuluh ayat yang lain di mana dalam semua keadaan tersebut mereka tidak akan menemui sepetah perkataanpun yang tidak sesuai pada tempatnya ataupun apa-apa lafaz yang boleh dipertikaikan kedudukannya atau kelihatan bahawa perkataan lain lebih baik menggantikannya atau menyamainya atau lebih indah dan sesuai. Bahkan mereka akan menemui keseragaman yang boleh memukau akal mereka dan melemahkan semua manusia”.

Menerusi petikan di atas al-Jurja:niyy menekankan tiga aspek utama I’ja:z al-Qur’an. Pertama aspek bahasanya yang terdiri daripada ciri susunan ayat, gaya olahan lafaz, keindahan-keindahan yang terdapat pada permulaan dan potongan ayat dan juga kesinambungan antara lafaz dan kedudukannya.

Aspek yang kedua pula merujuk pada mesej yang berbentuk pemberitahuan, peringatan, dorongan dan ugutan yang dapat dirasai oleh pembaca melalui gaya ujaran perumpamaan dan penceritaan yang terdapat dalam al-Qur’an.

Aspek yang ketiga ialah hubungkait antara unsur bahasa dan keseragaman makna yang ingin disampaikan dalam bentuk yang paling indah.

Ketiga-tiga aspek ini akan dijadikan landasan kajian penulis apabila menganalisis surah al-Rahma:n dalam bab kelima kelak.


Ketiga aspek yang telah disebutkan tadi juga telah dijelaskan secara lebih mendalam oleh al-Khatta:biyy (1953: 27-28) dalam kitab I'ja:z al-Qur'a:n. Menurut beliau:

إِعْلَمَ أَنَّ الْقُرْآنَ إِنَّمَا صَارَ مُعْجِزًا ، لِأَنَّهُ جَاءَ بِأَفْصَحِ الْأَلْفَاظِ ، فِي أَحْسَنِ نُظُومِ
التَّأْلِيفِ ، مُضْمِنًا أَصَحَّ الْمَعَانِي ، مِنْ تَوْحِيدِ لَهُ عَزَّتْ قُدْرَتُهُ ، وَتَنْزِيهِ لَهُ فِي صِفَاتِهِ ،
وَدُعَاءِ إِلَى طَاعَتِهِ ، وَبَيَانِ بِمَنْهَاجِ عِبَادَتِهِ مِنْ تَحْلِيلِ وَتَحْرِيمِ ، وَحَظَرِ وَإِبَاحَةٍ ، وَإِزْشَادِ إِلَى
مَحَاسِنِ الْأَخْلَاقِ وَزَجْرٍ عَنِ مَسَاوِيئِهَا ، وَاضِعًا كُلَّ شَيْءٍ مِنْهَا مَوْضِعَهُ الَّذِي لَا يُرَى شَيْءٌ
أَوْلَى مِنْهُ ، وَلَا يُرَى فِي صُورَةِ الْعَقْلِ أَمْرٌ أَلْيَقُ مِنْهُ ، مُودِعًا أَخْبَارَ الْقُرُونِ الْمَاضِيَةِ ، وَمَا نَزَلَ
مِنْ مَثَلَاتِ اللَّهِ بِمَنْ عَصَى وَعَانَدَ مِنْهُمْ ، مُنْبِئًا عَنِ الْكَوَائِنِ الْمُسْتَقْبَلِيَّةِ فِي الْأَعْصَارِ الْبَاقِيَةِ
مِنَ الزَّمَانِ ، جَامِعًا فِي ذَلِكَ بَيِّنَ الْحُجَّةِ وَالْمُجْتَنِبِ لَهُ ، وَالذَّلِيلِ وَالْمَدْلُولِ عَلَيْهِ ، لِيَكُونَ
ذَلِكَ أَوْكَدَ لِلزُّومِ مَا دَعَا إِلَيْهِ ، وَأَنْبَأَ مَا عَنِ وَجُوبِ مَا أَمَرَ بِهِ وَهَيَّ عَنْهُ . وَمَعْلُومٌ أَنَّ
الْإِتْيَانَ بِمِثْلِ هَذِهِ الْأُمُورِ ، وَالْجُمُعَ بَيِّنَ شَتَاتِهَا حَتَّى تَنْتَظِمَ وَتَتَّسِقَ ، أَمْرٌ تَعْجِزُ عَنْهُ قُوَى
الْبَشَرِ ، وَلَا تَبْلُغُهُ قُدْرَتُهُمْ ، فَعَجَزُوا عَنْ مُعَارَضَتِهِ بِمِثْلِهِ أَوْ مُنَاقَضَتِهِ فِي شَكْلِهِ .

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa al-Qur’an telah menjadi sebuah kitab yang melemahkan makhluk kerana ia menggunakan lafaz yang paling fasih dalam susunan yang paling baik, yang mengandungi makna yang paling tepat dalam mentauhidkan Allah yang maha gagah kuasanya dan

membersihkan sifat-sifatNya dan berdakwah untuk mentaatinya, penjelasan sistem beribadah kepadaNya dari sudut halal dan haram dan tegahan dan harus, dan memandu kepada akhlak yang terbaik serta menyekat dari yang buruk. Semua itu berlaku dalam keadaan al-Qur'an meletakkan setiap perkara tersebut pada tempatnya yang tidak ada yang lebih sesuai daripadanya serta lebih patut dari sudut pemilihannya di samping menyelitkan berita-berita umat terdahulu dan apa yang didatangkan dalam bentuk gambaran Allah terhadap mereka yang engkar dan degil di samping pernyataan tentang peristiwa-peristiwa masa depan untuk suatu tempoh yang tertentu. Semua itu berlaku secara sepadu di antara hujah dan apa yang disokong serta dalil dan apa yang dimaksudkan supaya semuanya itu menjadi lebih kuat untuk mewajarkan apa yang al-Qur'an seru kepadanya dan lebih jelas dalam menyatakan apa yang perlu disuruh dan ditegah melaluinya. Sememangnya diketahui bahawa menyebutkan perkara-perkara seperti ini dan merangkaikan bahagian-bahagiannya supaya tersusun dan selaras merupakan suatu perkara yang tidak mampu untuk dilakukan oleh kekuatan manusia atau dicapai oleh keupayaan mereka. Oleh sebab itu mereka lemah untuk menentangnya dengan apa yang setanding atau membatakannya”.

Al-Fakhr al-Ra:ziyy (2000: jld 10: 235) ahli tafsir al-Qur'an menerusi kitab tafsirnya al-Kabi:r menjelaskan bahawa I'ja:z merupakan bukti bahawa al-Qur'an merupakan perkataan Allah. Beliau berhujah bahawa hakikat ini ditegaskan sendiri oleh Allah s.w.t menerusi ayat ke 23 surah al-Zumar iaitu:



Maksudnya: “Allah s.w.t telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu al-Qur'an yang serupa (mutu ayat-ayatnya) lagi berulang-ulang...”.

Al-Fakhr al-Ra:ziyy (2000: jld 10: 235) menjelaskan lagi bahawa sebaik-baik perkataan yang dimaksudkan dalam ayat itu merujuk pada lafaz dan maknanya. al-Qur'an bersifat I'ja:z pada lafaznya kerana kefasihan dan pengolahannya yang hebat, sedangkan I'ja:z pada maknanya disebabkan isi kandungannya bebas dari unsur-unsur pertentangan antara satu sama lain.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan dari petikan-petikan di atas, I'ja:z yang terkandung dalam al-Qur'an merangkumi keseluruhan isi al-Qur'an tanpa mengecualikan sebarang aspek daripadanya. Keindahan gaya bahasanya menerusi topik-topik yang dikemukakan, hukum hakam yang disyariatkan dan cerita-cerita yang telah berlaku dan yang akan datang terbukti mengungguli bahasa-bahasa pujangga menerusi plot-plot puisi dan pidato mereka. Tambahan pula, keunggulan ini turut melibatkan kedua-dua aspek pemilihan perkataan dan makna yang tepat menyebabkan orang-orang Arab yang begitu berkemahiran dalam komunikasi menggunakan bahasa yang indah penuh dengan nilai kesusasteraan pasrah dan mengalah kepada ketinggian bahasanya.

Di sini kita meyakini juga bahawa penghalang manusia meniru kehebatan al-Qur'an bukannya disebabkan oleh teori al-Sarfāt (الصَّرْفَاتُ) iaitulah kemampuan mereka telahpun disekat ataupun semangat mereka telah dilemahkan. al-Sarfāt yang berasal daripada perkataan (صَرَفَ) merujuk kepada berbagai makna, antaranya memalingkan (Ibn Manzu:r:1990:9:189, al-Ragh:ib al-Asfaha:niyy:1997:483).

Hakikatnya jika para musuh menentang Nabi s.a.w dengan berbagai cara termasuk memerangi Nabi s.a.w menerusi peperangan, maka dari sudut logiknya apakah yang menghalang mereka daripada meniru susunan bahasa al-Qur'an. Tambahan pula cabaran yang diberikan oleh Allah s.w.t adalah untuk meniru sebahagian daripada surah al-Qur'an seperti yang terdapat dalam ayat ke 23 dan 24 daripada surah al-Baqarat, maksudnya : Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.

Surah Nabi s.a.w juga telah menunjukkan bahawa kaum Quraisy yang merupakan golongan Arab yang bertutur dengan bahasa yang fasih dan sarat dengan unsur-unsur bala:ghat akhirnya terpaksa berkata: "*Ini bukannya perkataan manusia*" (Ibn Hisya:m: 2001:juz 1:256).

Sekiranya kemampuan orang Arab ini sudahpun disekat ataupun dipalingkan seperti yang disangkakan oleh sesetengah pihak sejak diturunkan al-Qur'an, maka sudah tentu kita akan menemui bahan-bahan seperti puisi ataupun ucapan pada zaman

sebelum itu yang menandingi kehebatan al-Qur'an, namun tiada satupun bukti yang dapat membuktikan demikian (al-Suyu:ti:yy:1988:juz 1:5-7).

Demikian juga kita dapat membuat kesimpulan bahawa para pakar bersepakat menegaskan bahawa I'ja:z bukanlah bermakna melemahkan atau memalingkan, tetapi ia bertujuan untuk membuktikan kegagalan sesiapaupun untuk menyusun ayat-ayat yang sama dengannya. Ini penting bagi meyakinkan manusia bahawa al-Qur'an adalah firman-firman Allah.

3.5.3 Bentuk-bentuk I'ja:z

Dalam memerihalkan I'ja:z al-Qur'a:n al-Kari:m kebanyakan ulama' mengatakan bahawa al-Qur'an diturunkan dengan berbagai bentuk I'ja:z. Cuma segelintir yang minoriti sahaja yang berpendapat bahawa al-Qur'an hanya memiliki unsur I'ja:z dari sudut bahasanya al-I'ja:z al-Baya:niyy (Fadl Hasan 'Abba:s: 1991).


Berpandukan kepada pandangan majoriti itu yang sememangnya lebih tepat mereka telah membahagikan bentuk-bentuk I'ja:z seperti di bawah:

1. I'ja:z dari sudut bahasa. I'ja:z yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah melibatkan keindahan dan ketelitian gaya bahasa. Al-Suyu:tiyy (2003) telah mengemukakan bukti dari ayat-ayat al-Qur'a:n al-Kari:m yang menunjukkan bahawa terdapat tiga puluh lima bentuk I'ja:z yang terdapat dalam al-Qur'a:n. Al-Zarqa:niyy (1995: juz 2: 589) pula berpendapat lima belas bentuk I'ja:z menerusi ayat yang menunjukkan kei'jazannya. Walaubagaimanapun I'ja:z ini hanya

difahami oleh sesiapa yang memiliki kefahaman yang mendalam dalam bahasa Arab.

2. I'jaz dari sudut hukum hakam yang disyariatkan. Antara topik utama yang diperjuangkan oleh Islam adalah ketelusan sistem kewangan. Menurut al-Zarqa:niyy (1995:juz2:589) perkara ini jelas disebut menerusi perintah-perintah Allah dalam urusan ekonomi dan pengurusan harta.

Sebagai contohnya ialah ayat beberapa tempat dari ayat-ayat al-Qur'an seperti larangan memakan harta orang lain secara zalim dalam ayat 7 surah al-Hasyr:



Maksudnya: “Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.

Menurut al-Syanqi:tiyy (1996:8:40) ayat ini merupakan satu tanda mukjizat al-Qur'an yang telah mendahului perkembangan teori ekonomi manusia. Beliau menjelaskan walaupun mesej ayat ini bukannya terbatas kepada harta yang diperolehi oleh orang Islam dari musuh mereka semata-mata. Ia juga melibatkan pemerolehan dalam bentuk yang lain seperti fara:'id yang juga telah ditetapkan untuk menjaga kepentingan setiap manusia untuk mengelakkan berlakunya penindasan terhadap hak golongan tertentu.

3. I'ja:z dari sudut Ilmu. Banyak fakta bersifat ilmu yang boleh kita temui dalam al-Qur'a:n al-Kari:m. Al-Zinda:niyy (2006) telah mengemukakan contoh dalam kitabnya Tawhi:d al-Kha:liq bahawa al-Qur'a:n al-Kari:m telah mengisyaratkan bahawa kejadian manusia adalah berasal dari air mani seseorang lelaki. Perkara ini dapat kita lihat menerusi firman Allah dalam surah al-Qiya:mat_ ayat ke 36-37:




Maksudnya: *“Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)? Bukankah ia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?”*.

Penemuan manusia dalam kajian moden telah membuktikan kebenaran fakta yang dikemukakan oleh al-Qur'an ini. Ilmu sains moden menjelaskan bahawa kejadian bayi dalam rahim adalah bermula dari proses persenyawaan yang bermula percantuman

sperma yang terdapat dalam air mani lelaki dengan ovum yang terdapat dalam rahim seseorang wanita.

4. I'ja:z dari sudut kejadian. Sebagai contohnya kejadian yang diberitakan oleh Allah berlaku ribuan tahun dahulu antara Nabi Mu:sa: a.s dan Fir'aun. Peristiwa Fir'aun dan tenteranya mengejar Mu:sa: a.s yang diakhiri dengan kematian Fir'aun dan tenteranya akibat ditenggelami air laut. Firman Allah s.w.t dalam surah Yu:nus ayat 92 :



Maksudnya: “Maka pada hari ini, Kami biarkan engkau (hai Fir'aun) terlepas dengan badanmu (yang tidak bernyawa, daripada ditelan laut), untuk menjadi tanda bagi orang-orang yang di belakangmu (supaya mereka mengambil pengajaran). Dan (ingatlah) sesungguhnya kebanyakan manusia lalai daripada (memerhati dan memikirkan) tanda-tanda kekuasaan Kami!”.

Menurut Muhammad Quraissy Syiha:b (2007:43) kebenaran pemberitaan ghaib tersebut telah didedahkan pada bulan Julai 1908 apabila saintis Perancis, Elliot Smith mendapat kebenaran dari pemerintah negara Mesir untuk membuka kain pembalut satu daripada mumia yang terdapat di Lembah raja-raja Luxor. Beliau telah membuktikan bahawa jasad tersebut masih utuh seperti yang terdapat dalam keterangan ayat ke 92 surah Yu:nus itu.

Walaupun hanya bentuk I'jaz yang pertama sahaja yang akan difokuskan dalam kajian ini kerana jenis-jenis I'jaz yang lain tidak mempunyai kaitan dengan topik kajian ini.

3.5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, al-Qur'an sebagai satu kitab yang menjadi bukti kebenaran perutusan Nabi Muhammad s.a.w merupakan mukjizat baginda yang paling agung yang tidak dapat ditandingi kehebatan isi kandung dan gaya bahasanya yang bersifat melemahkan karya-karya karangan manusia. Hikmah di sebaliknya adalah supaya manusia meyakini bahawa perutusan Nabi Muhammad s.a.w adalah wahyu daripada Allah s.w.t. Buktinya ialah al-Qur'an yang disampaikan oleh baginda menggunakan bahasa yang sarat dengan elemen-elemen semantik yang tinggi nilai kesusasteraannya serta tidak ada tolak bandingnya.

Para pengkaji sepakat mengatakan bahawa sisi keindahan bahasa dan susunan kata ayat-ayat al-Qur'an amat mempesonakan, dan inilah yang ditunjukkan al-Qur'an kepada golongan yang meragui sumbernya. Memang ada aspek-aspek keistimewaan yang lain, namun tidak dikandung oleh setiap surah al-Qur'an yang berjumlah 114 surah itu. Katakanlah, tidak semua surah mengandungi pemberitaan tentang perkara ghaib yang merupakan salah satu dari keistimewaannya. Satu-satunya aspek keistimewaan yang terdapat pada setiap surah adalah aspek bahasanya, yang mencakupi ketelitiannya memilih dan menyusun kosa kata, kebenaran makna-maknanya, kemudahan pengucapannya serta kesesuaian nada perkataannya ke telinga pembaca dan pendengarnya serta kedalaman pesan yang dikandungnya. Tentulah dengan ketinggian

ilmu Allah s.w.t yang meliputi segala-galanya, Dia lebih mengetahui apakah pendekatan ataupun gaya bahasa yang paling tepat yang perlu dikemukakan untuk menjelaskan sesuatu makna. Kehebatan ini semuanya dikemukakan secara sehati tanpa dapat dipisahkan.

Ini menepati pandangan seorang pakar yang bernama Bunda:r ketika ditanyakan kepadanya tentang I'ja:z al-Qur'a:n. Menurut al-Suyu:tiyy (1988:1:10) Abu: Hayya:n pernah bertanya kepada Bunda:r al-Fa:risiyy tentang kedudukan I'ja:z dalam al-Qur'an. Jawapan Bunda:r adalah sebagaimana kita tidak dapat memisahkan manusia daripada dirinya sendiri maka demikianlah dengan I'ja:z yang tidak dapat dipisahkan daripada al-Qur'an itu sendiri.

Berdasarkan perbincangan I'ja:z di atas, jelaslah kepada kita bahawa al-Qur'an yang merupakan mukjizat yang mengagumkan, gagal dicontohi oleh golongan yang mahir bersajak sejak dari zaman jahiliah hingga ke hari kiamat.

Penulis mendapati pendapat oleh al-Khatta:biyy (1953:24) berkaitan aspek I'ja:z ini amat menyokong penjelasan di atas. Menurut beliau, manusia gagal menandingi bahasa al-Qur'an kerana beberapa faktor. Antara faktor-faktor itu adalah disebabkan kelemahan mereka untuk menguasai keseluruhan perkataan yang terdapat dalam bahasa Arab. Selain itu mereka juga tidak mengetahui keseluruhan maksud yang terkandung dalam sesuatu patah perkataan. Mereka juga tidak mampu membuat pilihan yang tepat yang lebih serasi dengan konteks ayat.

Justeru daripada huraian ini jelaslah menunjukkan bahawa pengulangan adalah salah satu dari komponen pelengkap yang menyumbang kepada aspek kemukjizatan itu. Ini di samping aspek-aspek yang lain termasuk pemilihan perkataan, morfologi, leksikal dan nilai-nilai retorik yang dibawanya turut menjadi faktor-faktor yang menyumbang kepada I'jaz al-Qur'an secara holistik.

Ini juga membuktikan kebenaran pendapat al-Zarka:siyy (2001:3:12) yang telah memperbetulkan pandangan segelintir pengkaji yang mengatakan bahawa pengulangan menyebabkan kurangnya nilai fasa:haṭ dalam gaya komunikasi. Sebaliknya pengulangan yang berlaku dalam surah-surah al-Qur'an semakin menyerlahkan keindahan gaya bahasanya bagi mengelakkan kesilapan dalam memahami, menekankan perintah dan memperingatkan pembaca kepada perkara-perkara penting agar tidak dilupai.

Dari sini kita akan melihat gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an khasnya surah al-Rahma:n yang menjadi fokus kajian ini menyempurnakan I'jaz al-Qur'an itu sendiri. Inilah dia perbezaan yang paling jelas antara al-Qur'an sebagai kitab mukjizat dengan karya-karya sastera yang dihasilkan oleh manusia.